


**Jilid 1
Bil. 61**



**Hari Isnin
18hb Jun, 1979**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6553]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Pendatang Haram Vietnam [Ruangan 6590]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 6595]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Majlis Sukan Negara Malaysia [Ruangan 6595]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Balai Bomba di Bukit Mertajam [Ruangan 6654]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,
P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 18hb Jun, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

UNDANG-UNDANG BURUH

1. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Buruh dan Tenaga rakyat menyatakan adakah beliau sedar bahawa wakil dari Damansara, juga selaku Setiausaha Agong MTUC hendak mengadakan secara rasmi kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai Undang-undang Buruh, yang mendakwakan tentang undang-undang tersebut selalu dibuat pindaan dan pembatalan serta tidak sesuai lagi, sehingga menjadikan gerakan trade union di negara ini tidak berkesan. Jika sedar, apakah kebenarannya kenyataan ini atau setakat hendak mengaburi mata golongan pekerja bagi maksud politik mereka yang bersifat negatif terhadap apa sahaja rancangan yang dilakukan oleh Kerajaan dan memeralatkan trade union bagi menggugat kerajaan sekarang. Dan adakah negara lain, misalnya India, mempunyai Undang-undang Buruh yang ideal tanpa apa-apa pindaan dan trade unionnya begitu berkesan, jika dibandingkan dengan negara ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang diketahui, pendakwaan sebagaimana yang dinyatakan itu tidak dibuat.

PENDATANG HARAM VIETNAM

2. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar tentang adanya terdapat pendatang-pendatang haram menghilangkan diri setelah mereka mendarat di Malaysia; jika

ya, nyatakan jumlah mereka yang hilang dan berapa ramaikah yang telah dapat ditangkap semula dan apakah sebab-sebab utama perkara seumpama ini boleh berlaku.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar seramai 40 orang pendatang haram Vietnam yang telah lari daripada kem-kem yang ada dan mereka ini lari keluar dari negara kita.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, mengenangkan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, adanya peristiwa yang demikian maka adakah beliau sedar bahawa ini menambahkan soal pendatang haram ini adalah soal yang paling mengancam keselamatan negara.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Benar, Tuan Yang di-Pertua, dari dahulu lagi saya kata soal ini mengancam keselamatan negara.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah Kerajaan pernah mengambil langkah menghubungi negara-negara China atau Taiwan untuk mengambil pendatang-pendatang haram dari keturunan China.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan yang keluar daripada soalan asal.

PENDATANG HARAM VIETNAM

3. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan latar belakang dan kedudukan yang sebenarnya yang berkaitan dengan kenyataan Encik R. Sampatkumar, Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian sebagai wakil di Rantau Asia tentang peristiwa kemalangan yang berlaku di pantai Johor baru-baru ini di mana seramai 108 pendatang Vietnam dilaporkan mati lemas, suatu peristiwa yang

memprojeikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kejam dan tidak bertanggungjawab; dan nyatakan juga selama ini apakah kemajuan-kemajuan telah dicapai untuk mengatasi kemasukan pendatang Vietnam dan hingga bulan Jun 1979 ini berapakah bilangan pendatang Vietnam dan hingga bulan Jun 1979 ini berapakah bilangan pendatang Vietnam telah diterima oleh negara-negara ketiga dari Malaysia.

Kalau daripada tahun 1975 kepada tahun 1978:

Pendaratan	69,084
Yang dapat diusir	7,208
Yang dapat dipindahkan ke negara ketiga	20,189
Yang masih berada di Malaysia pada hujung tahun 1978	48,893

Tetapi semenjak adanya Pasukan Petugas untuk mencegah pendatang haram dari Vietnam daripada bulan Januari ke hujung bulan Mei, 1979:

Yang dapat masuk menggunakan 382 buah bot	44,493
Yang dapat diusir	30,185
Yang dapat dipindahkan ke negara ketiga	19,467
Yang masih berada di Malaysia termasuk baki tahun 1978 sehingga penghujung bulan Mei, 1979	73,918

Inilah ukurannya.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Kerajaan dan kepada Menteri yang berkenaan, kita semua sedia maklum bahawa masalah pendatang haram ini gambaran-gambaran yang telah diterangkan oleh Menteri yang berkenaan tadi adalah bertambah serius dan apa yang kita lakukan nampaknya bukannya mendapat appreciation bahkan banyak yang mengecam seolah-olah kita terlampau zalim.

Dari perkara ini saya hendak bertanya tidakkah Kerajaan selama ini yang membuat rundingan dengan negara yang kedua dan ketiga berhubung terus dan berunding dengan Kerajaan Hanoi sendiri mengenai masalah pendatang-pendatang haram yang datang ke negara kita.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, perhubungan

Tan Sri Haji Muhammed Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga, jawapan kepada Bahagian Pertama telah saya jawab pada 12.6.79.

Berhubung dengan apakah kemajuan-kemajuan yang kita telah capai untuk mengatasi kesulitan yang kita hadap berkenaan dengan pendatang haram ini kita boleh beri kepada 2 peringkat.

yang dikehendaki itu sudah dibuat oleh Kementerian Luar Negeri.

RUNDINGAN DENGAN ITF

4. **Tuan Lim Kit Siang** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Perdana Menteri adakah benar bahawa Kerajaan telah menghantar seorang Menteri ke United Kingdom untuk bertemu Encik Harold Lewis, Setiausaha Agong ITF bagi merundingkan masalah MAS. Jika ya, sila berikan butir-butir perundingan itu; jika tidak, adakah orang-orang lain yang telah dihantar mewakili Kerajaan Malaysia di dalam sebarang perundingan dengan ITF.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah Kerajaan kita menghantar Menteri atau sesiapa pun ke United Kingdom untuk berjumpa dengan Encik Harold Lewis. Tetapi yang telah terjadi iaitu pada satu waktu saya pergi ke Geneva berkenaan dengan pendatang

haram ini tadi dan oleh kerana ada dua tiga hari lagi saya sempat bercuti langsung saya pergi ke London. Waktu di London khabar itu sampai kepada Encik Lewis saya berada di sana maka dia datang ke hotel saya untuk bertemu dengan saya dan kami masing-masing bertukar fikiran; saya dengar cerita dia, dia dengar cerita saya. Pada malam itu juga dia mengambil tindakan untuk menarik balik boycott yang dijalankan.

Tuan Lim Kit Slang: Soalan tambahan. Bukankah benar apabila Yang Berhormat Menteri menemui Harold Lewis di London, masa itu masih ada dua orang yang ditahan berkaitan dengan pertikaian atau krisis MAS/AEU—yang masih ditahan dan selepas mesyuarat antara Yang Berhormat itu dengan Harold Lewis dan seorang lain daripada ITWF, barulah Yang Berhormat Menteri menalefon Kuala Lumpur, pada tengah malam dan lepas itu barulah dua orang yang akhir ditahan itu dibebaskan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengetahuan saya pada waktu saya bercakap dengan Harold Lewis itu semua orang tahanan telah dilepaskan, melainkan saya telefon hanya "to confirm".

ASEAN—KERJASAMA SEBARAN AM DAN PENERANGAN

5. **Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh mana kerjasama sebaran am dan penerangan antara negara-negara ASEAN yang telah dapat dicapai setakat ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, kerjasama sebaran am dan penerangan antara negara-negara ASEAN adalah dalam tiga kategori:

- (i) sebagai kegiatan rasmi pertubuhan ASEAN yang dikendalikan oleh Jawatan-kuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN.
- (ii) sebagai kegiatan persatuan-persatuan yang diwujudkan oleh satu-satu kumpulan dalam bidang sebaran am atau penerangan seperti Confederation of ASEAN Journalists (CAJ) dan ASEAN Motion Picture Producers Association (AMPPA).

(iii) sebagai kegiatan persatuan-persatuan tempatan di dalam sesebuah negara ASEAN yang menghubungi rakan Kesatuan atau sejawat mereka di negara-negara ASEAN yang lain. Di antaranya ialah satu Seminar Wartawan-wartawan Wanita ASEAN yang telah berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini atas anjuran Persatuan Wartawan Wanita Malaysia atau PERTAMA.

Manakala kerjasama dalam kategori yang pertama tadi adalah kegiatan rasmi antara kerjasama negara-negara ASEAN. Yang dua lagi itu adalah usaha swasta yang direstui sama ada oleh Secretariat Pertubuhan ASEAN ataupun pihak pemerintah sesebuah negara ASEAN. Kegiatan-kegiatan di dalam kategori yang pertama itu telah meningkat semenjak projek-projek dimulakan dalam tahun 1969. Kegiatan-kegiatan itu meliputi:

- (a) Penerbitan journal mengenai ASEAN.
- (b) Pengkajian-pengkajian mengenai kemajuan dan kerjasama dalam bidang perfileman seperti menerbitkan laporan-laporan mengenai perusahaan filem.
- (c) mengadakan Pesta-pesta Filem ASEAN.
- (d) mengadakan kerjasama dalam pertukaran artis-artis penyiaran dan telah menganjurkan 3 kali pertunjukan artis-artis itu.
- (e) Mengadakan pertukaran program-program radio serta persembahan-persembahan kebudayaan.
- (f) Mengadakan mesyuarat-mesyuarat rasmi dan/atau tidak rasmi Menteri-menteri Penerangan dan/atau kebudayaan.

Dalam bidang dialog-dailog ASEAN dengan negara-negara seperti Jepun, Australia, Amerika Syarikat dan EEC beberapa projek mengenai bidang sebaran am dan penerangan telah dan sedang dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Tiong Hong.

(Soalan No. 6 Yang Berhormat dari Kepong tidak hadir)

PERSIDANGAN UNCTAD DI MANILA

7. **Tuan P. Patto** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian

menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia menganggap Persidangan UNCTAD kelima yang diadakan di Manila telah berjaya atau gagal dalam memajukan tujuan-tujuan negara-negara Dunia Ketiga di dalam Dialog Utara-Selatan (North-South Dialogue) dengan memberi sebab-sebab.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, Kerajaan Malaysia tidaklah begitu berpuas hati dengan keputusan yang dicapai oleh Persidangan UNCTAD Kelima. Ini adalah kerana Persidangan ini gagal mencapai persetujuan atau penyelesaian pada masalah-masalah penting terutama dalam soal-soal perlindungan perdagangan, Sistem Keutamaan Am, Perundingan Perdagangan Banyak Hala (MTN) dan terutamanya dalam soal mengadakan kemudahan perubahan struktur di dalam ekonomi antarabangsa untuk pencapaian Order Baru Ekonomi Antarabangsa atau the New International Economic Order (NIEO). Dengan yang demikian, Persidangan UNCTAD Kelima telah juga gagal dalam memajukan tujuan-tujuan Dunia Ketiga dalam Dialog utara-Selatan di dalam perkara tersebut. Sebab-sebab utama mengapa persetujuan tidak terjalin di dalam bidang-bidang ini adalah berkait rapat dengan kedudukan ekonomi yang kurang menyenangkan di negara-negara maju. Masalah inflasi, pengangguran dan perkembangan ekonomi yang lembab serta juga krisis tenaga akibat dari kenaikan harga minyak dikatakan menekan negara-negara maju supaya memegang tegas pada kedudukan mereka di dalam soal-soal di atas dan mereka enggan berganjak untuk membuat konsesi-konsesi baru kepada negara-negara membangun.

Namun kegagalan UNCTAD Kelima tidaklah menyeluruh. Kerajaan Malaysia berpuas hati umpamanya dengan persetujuan yang tercapai di dalam bidang-bidang komoditi, perkapalan dan kerjasama ekonomi di antara negara-negara membangun. Di dalam bidang komoditi, negara-negara memudahkan lagi penubuhan Tabung Bersama (Common Fund). UNCTAD Kelima juga bersejua dengan penubuhan satu rangka kerja untuk kerjasama antarabangsa mengenai pemasaran dan pengedaran, perkilangan dan penyelidikan komoditi. Ini adalah bertujuan

untuk menambahkan bahagian negara-negara membangun dalam pemasaran dan pengedaran eksport barangan komoditi yang dikeluarkan mereka.

Persidangan UNCTAD Kelima juga berjaya mencapai persetujuan untuk melaksanakan 'Code of Conduct for Liner Conferences' yang memperuntukkan bahawa syarikat perkapalan sesebuah negara itu berhak mengangkut 40% dari eksport kargo negara tersebut dan 40% dari impot kargo negara itu. Di samping itu ia juga berhak mengangkut sehingga 20% daripada aliran perdagangan di antara negara ketiga.

Di dalam bidang kerjasama ekonomi antara negara-negara membangun satu persetujuan sebulat suara telah tercapai memberi mandat kepada UNCTAD, dengan kerjasama dan koordinasi dengan agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu yang lain, untuk memperkembangkan kerjasama ekonomi antara negara-negara membangun. Di samping itu negara-negara maju juga menyatakan kesanggupan mereka untuk menyediakan tindakan bantuan untuk tujuan tersebut.

Pendek kata, Persidangan UNCTAD Kelima bolehlah disifatkan sebagai separuh berjaya dan separuh gagal di dalam memenuhi objektif atau tujuan Dunia Ketiga di dalam Dialog Utara-Selatan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persidangan seperti ini adalah berterusan dan semua perkara-perkara yang mana tidak dapat persetujuan akan dikemukakan kepada jentera tetap UNCTAD.

AKAUNTAN ASING—PENYELEWENGAN

8. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada di kalangan akauntan-akauntan rakyat Malaysia dan bukan rakyat Malaysia di negara ini yang tidak sebenarnya berkhidmat untuk negara tetapi cuma mencari peluang kekayaan oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara yang membangun perkhidmatan mereka kepada rakyat dan negara adalah penting. Berapa bilangan mereka yang bukan warganegara. Apakah langkah yang diambil supaya mereka mematuhi undang-undang serta dasar-dasar negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di -Pertua,

akauntan-akauntan yang berkhidmat di negara ini sama ada ianya warganegara atau bukan warganegara Malaysia adalah dikehendaki mematuhi undang-undang dan dasar-dasar negara di samping itu mereka adalah bebas untuk merebut peluang-peluang yang ada untuk menjalankan usaha mereka. Namun demikian pihak masyarakat dan negara adalah mengharapkan perkhidmatan yang jujur dan dedikasi dari mereka selaras dengan aspirasi dan matlamat-matlamat kita dan menjangkakan mereka akan juga mengambil kira kepentingan negara dan orang-orang awam.

Pada masa ini terdapat 17 orang akauntan bukan warganegara yang berkhidmat dengan Kerajaan atas dasar kontrak. Adalah didapati mereka telah menjalankan tugas mereka dengan baik dan memuaskan. Akauntan-akauntan ini, seperti pegawai-pegawai yang lain juga, adalah setiap masa tertakluk kepada Perintah-perintah Am Kerajaan, Pekeliling-pekelling dan lain-lain peraturan yang berkuatkuasa.

Akauntan-akauntan bukan warganegara ini telah dipilih bagi memenuhi jawatan-jawatan kosong Akauntan yang telah tidak dapat diisi oleh warganegara yang sesuai dan berkelayakan pada masa ini. Sebaik sahaja warganegara Malaysia yang sesuai dan berkelayakan diperolehi kelak maka kontrak perkhidmatan mereka ini tidak akan disambung lagi.

Pada masa ini terdapat 117 orang akauntan yang berkhidmat di dalam Pasukan Akauntan Kerajaan. Dari jumlah ini seramai 75 orang adalah bumiputra.

Di kalangan swasta pula terdapat 495 orang akauntan yang menjalankan perniagaan sendiri sebagai akauntan umum. Dari jumlah ini seramai 38 orang adalah bumiputra dan 19 orang adalah bukan warganegara Malaysia. Mereka ini adalah tertakluk kepada Akta Akauntan (1967) dan etika-etika profesyen yang dikeluarkan oleh badan-badan seperti Instituti Akauntan Malaysia dan Instituti Akauntan Umum Malaysia yang sentiasa mengawasi ahli-ahli mereka supaya mematuhi akta dan etika-etika tersebut.

Institusi Akauntan Malaysia dan Instituti Akauntan Umum Malaysia ada menerima

beberapa aduan mengenai kelakuan iktisas ahli-ahli mereka. Aduan-aduan itu telah pun disiasat oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh badan-badan tersebut. Tetapi setakat ini belum ada sesiapa yang dibuang dari menjadi ahli atas sebab-sebab tidak mematuhi etika-etika profesyen.

Kementerian Kewangan adalah bertanggungjawab mengeluarkan kelulusan-kelulusan bagi menjadi Juru Odit dan Penyelesai Syarikat kepada Akauntan-akauntan Umum. Kementerian boleh membatalkan kelulusan-kelulusan tersebut bagi Akauntan-akauntan yang didapati tidak memberi perkhidmatan yang memuaskan.

Pihak Kementerian setakat ini berpuas hati bahawa keadaan sekarang adalah terkawal dan undang-undang serta peraturan-peraturan yang ada itu adalah memadai untuk mengawal Akauntan-akauntan supaya mematuhi undang-undang dan dasar-dasar negara kita.

TANGGAGAJI PEGAWAI PERUBATAN

9. Tuan Seow Hun Khim meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau ber-setuju bahawa gaji mula untuk seseorang Doktor adalah lebih rendah dari yang didapati oleh seseorang Guru berijazah. Jika ya, bilakah beliau akan membetulkan anomali ini; jika tidak, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio Dato' Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar bahawa gaji mula untuk seseorang Doktor adalah lebih rendah dari yang didapati oleh seseorang guru berijazah. Mengikut tanggagaji Kabinet, gaji permulaan bagi Pegawai Perubatan ialah \$1,225 sebulan. Manakala bagi guru berijazah gaji permulaannya ialah \$925 sebulan.

SENJATAPI KEPADA NELAYAN SABAH

10. Datuk Haji Sakaran bin Dandai bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adakah Kementerian beliau bercadang untuk membekalkan senjatapi kepada nelayan-nelayan di Negeri Sabah khasnya mereka yang

tinggal di Pantai Timur Negeri itu memandangkan keselamatan mereka sentiasa terancam oleh lanun-lanun laut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk membekalkan senjatapi untuk nelayan-nelayan di Pantai Timur Sabah memandangkan bahawa pasukan keselamatan pada keseluruhannya sanggup dan dapat mengawal keadaan keselamatan dalam negeri.

KILANG SIMEN

11. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memberi kelulusan bagi mendirikan kilang simen di Pantai Timur.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah memberi kelulusan kepada sebuah projek iaitu Pahang Simen Sdn. Bhd. bagi mendirikan kilang simen yang akan ditempatkan di Kuantan. Projek ini yang mempunyai daya pengeluaran yang dicadangkan sebanyak 500,000 tan setahun akan dapat membekalkan keperluan-keperluan negeri-negeri di Pantai Timur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini dijangka akan dimulakan pengeluarannya pada tahun 1983.

PERUSAHAAN GETAH KEKURANGAN PEKERJA

12. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan oleh kerana memandangkan perusahaan getah di negara kita sekarang ini mengalami masalah kekurangan buruh (khususnya penoreh-penoreh) adakah dan bilakah Kementerian ini akan memperkenalkan secara besar-besaran kegunaan alat dan cara penorehan baru yang lebih ringkas, ekonomik dan cekap yang sedang diusahakan oleh pihak Pusat Penyelidikan Getah Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar masalah kekurangan pekerja penoreh-penoreh di beberapa tempat di negara kita. Untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja

Institusi Penyelidikan Getah Malaysia sedang menjalankan penyelidikan dan percubaan di pekebun-pekebun kecil dan Stesyen Penyelidikan RRIM untuk menilai teknik-teknik penorehan-penorehan dan alat-alat baharu. Teknik-teknik ini akan memudahkan penorehan tidak memerlukan kemahiran dan membolehkan seseorang penoreh dapat menoreh lebih banyak pokok getah. Sungguhpun demikian, memandangkan pokok getah memberikan hasil sepanjang tempoh beberapa tahun (perennial tree crop) maka adalah memerlukan tempoh penyelidikan sekurang-kurangnya dua tahun sebelum teknik-teknik baharu ini diperkenalkan secara besar-besaran.

Penyelidikan yang telah dijalankan selama 6 bulan yang lalu menunjukkan hasil yang baik dari penggunaan teknik-teknik baharu ini tetapi penilaian mengenai percubaan dengan teknik ini perlu dijalankan supaya dapat dipastikan bahawa sebarang kesulitan tidak akan timbul dengan cara teknik baru ini nanti. Alat-alat teknik baru ini juga hendaklah dibaiki supaya dapat mengeluarkan secara komersial dengan harga yang rendah. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini sektor swasta dan juga FELDA telah menunjukkan minatnya untuk memperkenalkan teknik-teknik baru ini. Dengan yang demikian, Kementerian saya telahpun mengarahkan Instituti Penyelidikan Getah Malaysia supaya memberikan keutamaan atas projek penyelidikan ini untuk menentukan hasil yang sewajarnya agar masalah kekurangan pekerja di sektor perusahaan getah dapat diatasi pada masa akan datang di samping mempertingkatkan lagi produktiviti pemerosesan.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Apakah kemajuan yang telah dicapai bagi teknik penorehan secara spiral injector dan microx setakat ini.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa Instituti Penyelidikan Getah Malaysia sedang berusaha memperbaiki cara 'puncture tapping' dengan cara 'spiral injector'. Alat ini tidak memerlukan kuasa bateri seperti roto-injector yang dicadangkan sebelum ini. Alat spiral injector ini digunakan dengan kuasa atau dengan cara mekanikal. Dengan alat ini bolehlah seseorang penoreh menoreh 1,000

pokok sehari dan penoreh-penoreh yang tidak mahir pun boleh menggunakan alat ini. Cara 'puncture tapping' dengan alat tersebut adalah dijalankan dengan membuat satu garis strip perpendiculer sepanjang 72 centimeter dan lebarnya satu centimeter dan membuat puncture di lima tempat di atas garisan itu yang telah disapu dengan ethral. Torehan seperti ini dibuat sekali dalam dua hari dan garis itu ditukar selepas satu bulan. Kajian juga sedang dijalankan mengenai faedahnya dengan cara puncture tapping dan cara mengumpul getah. Mengikut penyelidikan adalah didapati pengeluaran getah meningkat lebih 50% pada masa paras tinggi dan 15% hingga 20% pada masa paras rendah apabila dibandingkan dengan cara yang biasa. Adalah diharapkan dengan cara ini masalah kekurangan pekerja di antara pekebun-pekebun kecil dan estet boleh diatasi apabila alat-alat tersebut dapat dijual dengan kos rendah dan didapati juga cara ini tiada 'side effect' buruk untuk pokok-pokok pada jangka masa panjang.

Institusi Penyelidikan Getah Malaysia juga telahpun membuat penyelidikan dengan menggunakan microx. Cara penorehan dengan microx ini adalah membuat puncture di atas garis torehan biasa. Cara ini didapati tidak memuaskan memandangkan memerlukan penorehan mahir untuk menoreh garis torehan biasa dua atau tiga hari sekali dan juga harga microx adalah tinggi.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum sekalipun cara penorehan getah ini berkesan dan ekonomikal, di sebaliknya kalau harga getah masih tidak stabil maka keuntungan tidak akan terjamin. Apakah langkah pihak Kementerian di samping berusaha mencari cara penorehan yang berkesan dan ekonomik apakah langkah yang diambil untuk menjamin kestabilan harga getah.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik: Soalan ini berlainan sedikit, tetapi walau bagaimanapun untuk makluman ringkas Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kementerian dengan kerjasama Kerajaan Malaysia memang berusaha bagi menstabilkan harga getah pada masa sekarang. Harga yang tinggi yang kita capai sekarang adalah satu asas yang baik bagi kita meneruskan perundingan-perundingan di peringkat antara bangsa bagi

mencapai satu kestabilan harga yang akan memberi faedah kepada pengeluar dan juga pengguna getah di seluruh negara. Bagaimanapun, saya difahamkan bahawa perundingan-perundingan peringkat serius sedang berjalan sekarang bagi memastikan bahawa satu sekim kestabilan harga barang-barang perlu termasuk getah ini sedang berjalan dan ada kemungkinan perkara ini akan dapat dirumuskan dalam masa tidak berapa lama lagi.

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS

13. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kelewatan memberikan buku teks percuma masih berlaku sekarang ini, dan jika ya tidakkah Kerajaan bercadang melantik pengedar-pengedar buku teks yang tunggal supaya pengedar dapat dipertanggungjawabkan kiranya berlaku kelewatan seperti ini nanti di masa hadapan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Kelewatan membekalkan dan mengedarkan buku ke sekolah di bawah Skim Pinjaman Buku Teks memang telah berlaku pada awal tahun ini oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Namun begitu, sukacita saya menyatakan bahawa keadaan tahun ini adalah jauh lebih baik daripada tahun-tahun yang lepas, di mana penerbit-penerbit dan pengedar-pengedar telah memberi kerjasama penuh kepada Kementerian Pelajaran. Mereka telah berjanji supaya keadaan pada tahun hadapan bertambah baik lagi dan oleh itu, saya tidak bercadang untuk melantik pengedar buku teks yang tunggal bagi tujuan tersebut.

Tuan P. Patto: Timbalan Menteri ada menyatakan ada sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan yang menyebabkan kelambatan dalam pengedaran buku-buku teks percuma. Saya ingin tahu apakah sebab-sebab itu yang tidak dapat dielakkan?

Dato Chan Siang Sun: Sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan iaitu bersangkutan dengan soal pengangkutan dan juga setengah-setengah penerbit ada satu-satu masa kekurangan kertas untuk mencetak buku-buku

itu. Tetapi seperti yang saya katakan tadi kita mendapat jaminan daripada pihak berkenaan supaya pembekal dan juga pengedar dapat diperbaiki pada masa yang datang.

KES-KES JENAYAH ROMPAK

14. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan kes-kes jenayah rompak di dalam tahun 1978 dan sehingga bulan Mac, 1979;
- (b) berapakah kes-kes seumpama ini telah diatasi oleh pihak polis dan didakwa di mahkamah; dan
- (c) apakah langkah Kerajaan untuk mengurangkan kes rompak yang semakin menjadi-jadi di tanah air kita sekarang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, antara tahun 1978 dengan Mac, 1979 bilangan kes rompak yang dilaporkan berlaku ialah 4,311. Dari jumlah yang tersebut sebanyak 807 kes telah dihadapkan di mahkamah selepas pihak polis menjalankan penyiasatan dan mendapat bukti yang cukup. Baki sebanyak 3,504 kes adalah masih dalam penyiasatan polis untuk mendapatkan bukti-bukti yang secukupnya sebelum dibawa ke mahkamah.

Soalan ketiga ini menuduh seolah-olah kes rompak ini semakin menjadi-jadi. Ini mengikut statistik daripada pihak Kerajaan, ini tidak benar kerana ada berkurangan jika dibezakan pada tahun 1977 dengan tahun 1978. Jadi kedudukan kes rompak di negara ini pada hemat kita tidaklah begitu membimbangkan dan tidak boleh dikatakan menjadi-jadi. Contohnya, kalau pada tahun 1977 kejadian rompak yang dilaporkan ialah 3,715 pada tahun 1978 turun kepada 3,600 dan ini termasuk angka-angka bagi tahun 1978 iaitu 337 kes rompak berkumpulan (gang robbery), 6 rompak kedai mas, 7 rompak syarikat kewangan dan 5 rompak lebuhraya. Kesemua 5 kes rompak lebuhraya, 3 rompak kedai mas dan rompak-rompak syarikat kewangan telah dapat diselesaikan, diberkaskan dengan tertangkanya mereka yang terlibat. Semua dapat ditangkap. Semua mereka telah didapati salah dan semuanya telah dijalankan

hukuman. Tiada sebarang rompak bank dalam tahun 1978. Ini adalah disebabkan dengan tindakan berjaga-jaga yang telah dibuat oleh pihak-pihak berkenaan.

Tuan Lee Kaw: Berapakah kes ada menggunakan pistol dan berapa kes ada memakai machine-gun?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat detail apa jenis senjatanya. Tetapi dalam tahun 1978 terdapat 9 rompak yang menggunakan senjata yang berlaku di seluruh negara dan telah dapat diberkas semuanya dan dalam tahun 1979 hingga bulan April 5 kumpulan rompak telah dapat diberkas.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu di Dewan ini apakah sebabnya dalam masa beberapa bulan ke belakangan ini kes-kes rompak kadang-kadang terlibat pembunuhan umpamanya, di Johor, Segamat, Melaka. Apakah sebabnya pihak polis tidak boleh memecahkan kes-kes ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua perkara ini bukanlah macam di TV setengah jam sahaja boleh dapat disolvekan (*Ketawa*). Jadi bersabarlah—the arm of the law akan sampai, insya Allah.

HARGA BARANG—BARANG PENGGUNA

15. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah barang-barang yang sedang diulangkaji oleh Penal Bertindak yang ditubuhkan bersama oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Kewangan bagi mencari jalan mengurangkan harga-harga barang-barang ini, dan apakah kejayaan yang telah dibuat oleh Penal bersama ini.

Dato' Lew Sip Hon: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebuah Jawatankuasa Bersama di antara Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Kewangan Mengenai Barang-barang terpilih telah ditubuhkan pada 21hb Februari, 1979. Tujuan Jawatankuasa Bersama ini adalah untuk mengkaji cara-cara bagi memastikan supaya harga barang-barang pengguna,

khususnya barang-barang keperluan utama ditetapkan ke paras yang menasabah.

Sebagai langkah permulaan, Jawatankuasa tersebut sedang meneliti sistem harga dan pemasaran beberapa jenis barang keperluan utama, antaranya termasuklah susu, makanan bayi, buah-buahan, makanan daripada hidupan laut yang dibekukan, sos tomato dan sayur-sayuran khususnya bawang putih, bawang merah dan cili kering.

Tuan Lee Lam Thye: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan bertindak ini ada mendapat nasihat ataupun mendapat bantuan atau berhubung dengan persatuan pengguna-pengguna dalam perbincangannya mengenai masalah mengurangkan harga barang-barang ini.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan di sini adalah satu price penal yang mengkaji permintaan menaikkan harga dan dalam Jawatankuasa Harga ini atau Price Penal ini ada wakil daripada Persatuan Pengguna-pengguna. Tetapi ini adalah satu Jawatankuasa Bersama di antara kedua-dua Kementerian yang mengandungi pegawai sahaja.

EKSPOT KAYU GERGAJI

16. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengurangkan eksport kayu gergaji memandangkan pasaran tempatan menghadapi kekurangan bekalan bahan itu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurangan eksport kayu bergergaji ke luar negeri bukanlah faktor tunggal yang boleh mengatasi kekurangan bekalan kayu gergaji untuk pasaran tempatan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telahpun mengambil beberapa langkah bagi tujuan mengurangkan pengeksportan kayu gergaji sekarang ini. Perkara ini telahpun dijelaskan dengan panjang lebar semasa Yang Berhormat Menteri Perdagangan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Mohamad pada 13.6.79 yang lalu. Saya tiada apa-apa tambahan lagi.

PELABUHAN PASIR GUDANG

17. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa sangat sedikit bilangan kapal-kapal yang singgah di Pelabuhan Pasir Gudang dan akibatnya peniaga khususnya pengeksport-pengeksport kayu balak menghadapi kesulitan untuk mengeksport kayu balak mereka jika ya, apakah langkah-langkah singgah di Pelabuhan tersebut; dan
- (b) sama ada beliau sedar syarikat-syarikat tempatan seperti Malaysia International Shipping Co-operation seringkali menukar tarikh bilamana kapal-kapal kepunyaan syarikat tersebut singgah di Pelabuhan tersebut dan akibatnya peniaga tidak dapat mengeksport barang-barang mereka ke Malaysia Timor dan ini menyebabkan mereka menanggung perbelanjaan yang bertambah untuk menyimpan barang-barang mereka di gundang-gudang yang terdapat di Pelabuhan tersebut, jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri. V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa Pelabuhan Johor memulakan operationnya pada awal tahun 1977 yakni belum pun sampai 3 tahun lagi. Kedatangan kapal-kapal kepada satu-satu pelabuhan yang baru dibuka akan mengambil masa dan ini berlaku di mana sahaja. Bagi Pelabuhan Johor bilangan kapal yang berlabuh adalah menggalakkan, misalnya, dalam tahun 1977 sebanyak 252 buah telah singgah dan bagi tahun 1978 angka itu telah meningkat menjadi 408 buah. Untuk menggalakkan lagi kapal-kapal datang ke Pelabuhan Johor pihak Pengurusan sedang menghebatkan lagi strategi pasaran di dalam dan luar negeri.

Menjawab soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kedatangan kapal ke mana-mana pelabuhan adalah di luar kawalan pelabuhan itu. Bagaimanapun, saya percaya satu-satu syarikat perkapalan itu akan menghantar sedaya-upayanya supaya tarikh sampainya itu mengikut jadual. Ini adalah untuk kebaikan syarikat itu sendiri. Mengikut apa

yang berlaku Pelabuhan Johor kapal MISC yang biasa terlewat tidak pernah melebihi tempoh dua hari dan oleh sebab simpanan barang-barang selama seminggu di pelabuhan tidak dikenakan bayaran, maka tidaklah berapa betul hendak dikatakan peniaga-peniaga yang berkaitan terpaksa menanggung perbelanjaan yang bertambah bagi menyimpan barang mereka di gudang pelabuhan Johor.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat dari Keluang, ini ialah kapal-kapal MISC.

Tan Sri V. Manickavasagam: MISC.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Sungguhpun bilangan kapal-kapal untuk tahun 1977 dan 1978 telah meningkat naik tetapi memandangkan capital yang kita laburkan ini adalah sangat jauh daripada memuaskan. Adakah kerana kekurangan bilangan kapal-kapal berlabuh di Pasir Gudang ini disebabkan oleh kerana kemudahan-kemudahan asas masih belum diadakan atau disebabkan kerana kecekapan pentadbiran di Pasir Gudang.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana beberapa sebab; ada kemudahan-kemudahan dan juga infrastruktur yang belum mencukupi. Kerajaan sedar kedudukan ini dan sekarang membaiki jalanraya dan lain-lain untuk memberi kesenangan kepada peniaga-peniaga menjalankan perniagaan di sana.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Untuk menjadikan pelabuhan Pasir Gudang sebagai pelabuhan yang termoden maka bilakah kemudahan-kemudahan asas ini akan disempurnakan?

Tan Sri V. Manickavasagam: Kerajaan sudahpun menjalankan tugasnya.

TULISAN JAWI

18. **Tuan Yusof bin Malim Kuning** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa pelajaran menulis tulisan Jawi dilaksanakan dengan giatnya di sekolah-sekolah sungguhpun tulisan Jawi diajar di dalam Darjah. Adakah masa selama 120 minit seminggu bagi pelajaran tulisan Jawi mencukupi; jika ya, nyatakan

mengapa masih terdapat ramai murid-murid lemah di dalam matapelajaran ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, mengikut peraturan yang sedia ada, tulisan Jawi adalah sebahagian daripada pelajaran yang didapati di dalam Bahasa Malaysia dan mula diajar di Darjah 2, bukannya di Darjah 1 seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Masa yang diuntukkan bagi sekolah rendah ialah 2 waktu (60 minit) dan di peringkat sekolah menengah masanya tidak ditetapkan kerana di peringkat ini adalah dirasai bahawa murid-murid telah dapat menguasai tulisan Jawi. Di peringkat Darjah 1 tulisan Jawi diajar bersama-sama dengan pelajaran Ugama walaupun diperingkat ini tulisan Jawi tidak digabungkan dengan Bahasa Malaysia, tetapi atas inisiatif guru-guru ugama tulisan Jawi telah dimulakan di peringkat ini.

Kementerian Pelajaran berpendapat mempelajari tulisan Jawi bukanlah satu perkara yang begitu rumit yang memerlukan masa yang banyak. Bagi makluman Yang Berhormat tambahan masa untuk tulisan Jawi cuma boleh diambil dari masa yang diperuntukkan kepada pelajaran Bahasa Malaysia dan memandang dari segi keutamaan ini adalah tidak teratur dan akan merugikan murid-murid sekalian. Kementerian Pelajaran percaya dan sedar bahawa ada murid-murid yang lemah di dalam tulisan Jawi dan akan berusaha lagi untuk menentukan bahawa pihak sekolah patut mengambil lebih berat lagi di dalam tulisan Jawi, itu.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Adakah mata pelajaran tulisan Jawi itu merupakan satu mata pelajaran wajib atau mata pelajaran pilihan?

Dato' Chan Siang Sun: Disekolah kebangsaan ini adalah satu mata pelajaran yang wajib.

GURU—GURU KELAS TADIKA

19. **Tuan Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa guru-guru Kelas Dewasa dan Kelas Tadika luar bandar kini masih menerima hanya dalam lingkungan 100.00 ringgit dan 150.00 ringgit sebulan sekalipun Pegawai-pegawai Kerajaan telah menerima gaji baru

yang tinggi. Jika sedar adakah Kementerian berkenaan bercadang hendak mengkaji semula sistem gaji guru-guru ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar perkara ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu kadar pembayaran yang berjalan sekarang ini baru sahaja diubahsuai pada tahun lepas dan ianya akan dikaji dan diteliti dari masa ke semasa.

Puan Chow Poh Kheng: Adakah kelayakan yang istimewa kalau hendak menjadi seorang guru kelas TADIKA di luar-luar bandar?

Tuan Haji Zakarian bin Haji Abdul Rahman: Ya, biasanya sekarang guru-guru kelas TADIKA diambil daripada mereka yang mempunyai kelulusan SPM.

GAMBARAN MALAYSIA DI BANGUNAN BANGSA-BANGSA BERSATU

20. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa di United Nations tidak ada sesuatu gambaran yang dapat ditunjukkan kepada pelawat-pelawat di seluruh dunia mengenai Malaysia. Kemasyhuran Iran dapat ditunjukkan dengan permaidani yang dibuat gambar painting di dinding di United Nations building, begitu juga Ghana dan Indonesia ada mempamerkan paintingsnya di dinding, sama ada Malaysia dapat memikirkan untuk menghadihkan gambar-gambar painting yang serupa mengenai sistem berparlimen Malaysia, atau mengenai perusahaan getah asli, atau bijih timah, sebagai pengeluar utama di dunia supaya tiap-tiap pelawat yang datang ke United Nations dapat ditunjukkan kepada mereka, yang umumnya orang tidak mengetahui Malaysia. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa di bangunan Bangsa-bangsa Bersatu di New York tidak ada sumbangan gambar atau painting mengenai Malaysia yang dipamerkan akan tetapi adalah kebetulan bahawa antara lebih kurang 150 negara-negara anggota Bangsa-bangsa Bersatu hanya sebilangan kecil sahaja negara yang memberi sumbangan

untuk dipamerkan. Sumbangan itu diberi secara sukarela sebagai hadiah dan tidak semua negara perlu memberi. Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat itu adalah baik yang boleh dikaji.

TAHANAN ABDULLAH AHMAD/ ABDULLAH MAJID/SAMAD ISMAIL

21. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa bekas Timbalan Menteri Abdullah Ahmad dan Abdullah Majid dan Samad Ismail, bekas Pengarang Urusan New Straits Times, tidak dibebaskan dari tahanan sungguhpun mereka ini telah membuat pengakuan melalui televisyen sepertimana dikehendaki oleh pihak polis, berapa kalikah kes mereka di ulangkaji oleh Lembaga Penasihat dan nyatakan sama ada kerajaan masih menganggap mereka sebagai ancaman terhadap keselamatan negara dan jika ya, mengapa.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah beberapa kali saya jelaskan bahawa pembebasan seseorang yang ditahan di bawah ISA tahun 1960 adalah dibuat setelah Kerajaan menimbangkan perakuan-perakuan yang dikemukakan oleh Lembaga Penasihat dan/atau juga Kerajaan berpuas hati bahawa mereka ini tidak lagi merupakan ancaman kepada keselamatan negara. Jadi kes-kes mereka yang tersebut tadi telah diulangkaji oleh Lembaga Penasihat mengikut apa yang dikehendaki oleh Undang-undang ISA tahun 1960. Mereka ini masih lagi dianggap menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana apabila ketiga-tiga orang yang disebut dalam soalan ini ditahan, ada dakwaan bahawa mereka terlibat dalam perkara yang melibatkan pengaruh komunis yang terdiri daripada pihak Moscow. Adakah dalam tempoh masa ini Kerajaan dapat bukti yang cukup untuk menentukan sama ada dakwaan-dakwaan ini berasas atau tidak?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan, komunis dari manapun mengancam keselamatan negara.

SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA

22. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada langkah-langkah sedang diambil untuk menyusun semula pengurusan Sistem Penerbangan Malaysia pada keseluruhannya supaya kecekohan yang terjadi baru-baru ini tidak berulang lagi.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan yang sama ini telah diberikan pada 12hb Jun, 1979 iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Sungguhpun demikian elok saya bantangan di sini gambaran kedudukan MAS pada keseluruhannya in the right perspective.

MAS telah berkembang dengan pesatnya dan telah dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan bagi sektor-sektor dalam negeri di rantau sebelah sini dan bagi penerbangan-penerbangan antarabangsa. Di dalam menghadapi perkembangan ini, MAS adalah menghadapi berbagai-bagai bentuk masalah dan masalah-masalah tersebut termasuk pengurusan tenaga manusia (manpower management), pengawasan (supervision) dan latihan. Adalah didapati di bidang-bidang inilah beberapa kelemahan berlaku yang membabitkan seterusnya tindakan perusahaan oleh pekerja-pekerja MAS. Tumpuan sepenuhnya akan dibuat di bidang-bidang ini apabila kajian dijalankan. Pihak pekerja-pekerja pun ada mendapat nasihat daripada luar dan ini adalah mendatangkan kesusahan kepada mereka.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini MAS belum lagi pernah mengalami kerugian dalam mana-mana tahun semenjak ia memulakan operasi dalam tahun 1972. Saya sedar bahawa memang terdapat beberapa kelemahan di dalam sebahagian pentadbiran MAS. Ini bukanlah satu perkara yang luar biasa kerana banyak syarikat-syarikat penerbangan lain juga menghadapi masalah yang sama. Begitu juga dengan tindakan perusahaan, ini bukanlah satu perkara luar biasa kerana lain syarikat penerbangan yang besar dan tertua daripada MAS juga menghadapi pertikaian perusahaan ini. Melalui tindakan-tindakan seperti inilah maka beberapa kelemahan dan kebaikan sesebuah syarikat itu dapat diketahui.

Oleh yang demikian, Kerajaan akan mengambil tindakan perlu bagi memperbaiki dengan mengambil kira kelemahan-kelemahan tersebut. Kerajaan tidak memutuskan supaya dilantik satu firma consultant bagi mengkaji perkara ini dan membuat perakuan berkenaan dengannya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sudah melantik sebuah firma consultancy atau perhubungan dan apakah terms of reference consultancy ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah dalam proses dan kita ada dapat nama beberapa consultant yang ada pengalaman dalam bidang penerbangan dan ini kita akan umumkan tidak lama lagi.

Tuan Hj. Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri menerangkan tadi akan menyusun semula Pengurusan Sistem Penerbangan Malaysia. Jadi yang saya hendak tahu di dalam menyusun semula Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) nanti adakah termasuk hendak menggantikan kapalterbang-kapalterbang MAS umpamanya sudah berumur lebih 15 tahun. Kerana saya difahamkan ada di antara kapalterbang ini berumur 17 tahun.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, MAS telah mulakan perkhidmatannya 5 tahun ataupun 6 tahun dahulu. Kita sedar kapalterbang-kapalterbang yang ada pada masa sekarang ada yang lama dan ada yang baru. Pada tahun ini juga kita ada beli kapalterbang jenis yang baru, Airbus yang sampai tahun ini dan dari masa ke semasa, mengikut program, MAS akan membeli kapalterbang yang kita ingatkan baik.

HARTABENDA MENTERI/TIMBALAN MENTERI/SETIAUSAHA PARLIMEN

23. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada masih terdapat Menteri-menteri, Timbalan Menteri-menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen yang belum lagi mengisytiharkan hartabenda mereka kepada beliau sejak beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada awal tahun 1976, jika ya, nyatakan nama-nama mereka yang gagal berbuat demikian dan mulai

bilakah mereka gagal mengisytiharkan hartabenda mereka kepada beliau; dan nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh beliau untuk menentukan supaya mereka ini mengisytiharkan hartabenda mereka dan juga waris-waris mereka (next of kin) kepada Parlimen setiap tahun dan bukan kepada beliau sahaja.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, semua Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, telah mengemukakan secara amanah kepada saya, senarai harta dan saham yang dipegang oleh mereka dan isteri mereka, sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan-peraturan Kewajipan dan Kebijaksanaan Bagi Panduan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen.

Berhubung dengan Bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu saya telah memaklumkan di Dewan ini dahulu bahawa memadai dengan cara yang berjalan sekarang ini, iaitu di bawah Peraturan Kewajipan dan Kebijaksanaan itu Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen dikehendaki mengemukakan senarai harta mereka secara peribadi kepada saya sahaja.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Adakah Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen-Setiausaha Parlimen menghantar secara amanah senarai harta benda kepada Yang Amat Berhormat, adakah Yang Amat Berhormat menyemak dan memeriksa setiap tahun untuk membuat perbandingan. Adakah perbezaan tiap-tiap tahun umpamanya kalau dia hantar tahun 1978.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri fahamlah.

Tuan Chan Teck Chan: Tahun lepas ada sekurang-kurangnya naik \$1 juta, adakah Yang Amat Berhormat akan periksa angka-angka ini?

Perdana Menteri: Sebagaimana yang saya terangkan dahulu, mengikut peraturan ini Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen diminta selepas menghantar senarainya yang pertama jika ada perubahan di dalam list ataupun senarai itu

dia hendaklah menghantarnya kepada saya. Ini saya menyemak.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu sama ada di dalam penyemakan aset-aset yang dimaklumkan kepada beliau oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen, beliau ada mengesyaki dari aset itu sesiapa yang mungkin berasuah dan sekiranya ada, pernahkan Yang Berhormat Perdana Menteri merojokkan perkara itu kepada BSN untuk siasatan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan ini senarai itu adalah disampaikan secara confidential kepada saya, dan jika ada saya syak apa-apa, saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

JURURAWAT TERLATIH DI LUAR NEGERI

24. Tuan P. Patto minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah jururawat-jururawat yang dilatih di luar negeri yang telah memohon untuk menyertai perkhidmatan Kerajaan untuk tahun 1977, 78 dan bahagian pertama tahun 79, jumlah dari mereka yang berjaya dan sama ada benar terdapat lebih dari 200 orang jururawat-jururawat yang dilatih di luar negeri yang telah memohon untuk menyertai perkhidmatan Kerajaan sejak tahun 1978 tetapi permohonan mereka itu dibekukan; jika ya, mengapa, dan nyatakan tindakan yang diambil untuk menyerap mereka ke dalam perkhidmatan Kerajaan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, kedudukan jumlah jururawat-jururawat yang dilatih di luar negeri secara persendirian dan telah memohon untuk berkhidmat dengan Kerajaan adalah seperti berikut:

1. Tahun 1976/1977

(a) Permohonan yang diterima	459
(b) Yang ditawarkan jawatan	431
(c) Yang menerima tawaran jawatan ..	335
(d) Yang menolak tawaran jawatan ..	96

2. Tahun 1978 hingga awal tahun 1979

(a) Permohonan yang diterima	243
(b) Yang ditawarkan jawatan	105

(c) Yang menerima tawaran jawatan (6 daripadanya dilantik pada awal 1979)	72
(d) Yang menolak tawaran jawatan ..	33

Permohonan-permohonan mereka yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat dalam sekim perkhidmatan telah ditolak. Di antara syarat-syarat itu ialah mempunyai sijil SPM/MCE atau sijil yang setaraf dengannya serta lulus Bahasa Malaysia di peringkat SPM/MCE atau setaraf dengannya dan tidak melebihi umur 30 tahun.

Kementerian ini sentiasa menimbang permohonan daripada jururawat-jururawat berkenaan sehingga pertengahan tahun 1978, dan sejak pertengahan tahun tersebut terdapat permohonan yang tidak dapat diproses oleh Kementerian ini. Ini adalah disebabkan Kementerian ini mendapati hanya cukup jawatan untuk menampung pelatih-pelatih di bawah biasiswa Kerajaan yang akan terikat dengan Kerajaan yang akan terikat dengan Kerajaan selama 5 tahun. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan menimbang permohonan-permohonan mereka jika terdapat kelebihan kekosongan jawatan seperti di masa-masa yang lalu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bahawa beberapa orang jumlahnya pemohon-pemohon telah diambil daripada mereka yang dilatih daripada luar negeri. Soalan saya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu mereka ini tentang pecahan kaum, bumiputra dan bukan bumiputra.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang ada pada saya mereka yang menerima tawaran jawatannya bolehlah dipecahkan seperti berikut:

(1) Tahun 1976/1977	
Melayu	29
India	44
China	248
Lain-lain	14
Jumlah ..	<u>335</u>
(2) Tahun 1978 hingga awal 1979	
Melayu	10
India	14

China	44
Lain-lain	4
Jumlah ..	<u>72</u>

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di antara sebab-sebab tidak berlakunya kekosongan kepada jawatan-jawatan yang patut ditawarkan kepada graduan-graduan baru jururawat ini ialah terdapat sebilangan jururawat-jururawat yang diambil secara kontrek dan mereka ini tidak dapat diserapkan kepada jawatan yang tetap oleh sebab-sebab yang tertentu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah sebabnya mereka ini tidak dapat diserapkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Sebagai memenuhi kehendak ataupun keperluan perkhidmatan ini Kementerian Kesihatan juga telah mengambil kalau tidak salah saya 186 orang jururawat-jururawat terlatih yang telah dilatih di seberang laut sebagai jururawat kontrek mengisi jawatan yang tetap. Ini oleh kerana kita perlu dengan jururawat tetapi dukacita mereka tidak diberi jawatan yang tetap oleh kerana mereka belum lagi mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia yang mana adalah dikehendaki oleh syarat-syarat perkhidmatan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan jururawat ini telah membuat permohonan, kemudian Kerajaan kita telahpun memberi tawaran kepada mereka. Tetapi di antara yang diberi tawaran itu ada pula yang menolaknya. Apakah sebab-sebab yang menjadikan mereka itu menolak tawaran yang mereka pohon itu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, ada di kalangan mereka tidak suka menerima satu-satu jawatan selepas ditawarkan mungkin oleh kerana mereka disebabkan sudah dapat pekerjaan di tempat-tempat lain dan juga mungkin disebabkan tidak ingin di kawasan-kawasan luar bandar atau sebagainya. Oleh itu, mereka tidak mahu menerima jawatan itu.

RUMAH PEKERJA-PEKERJA LADANG/LOMBONG

25. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat

menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengadakan satu dasar supaya tuan-tuan punya ladang swasta menyediakan rumah atau tapak-tapak rumah bagi pekerja-pekerja ladang mereka untuk digunakan oleh pekerja-pekerja tersebut setelah tamat tempoh pekerjaan mereka dengan ladang-ladang swasta berkenaan, memandangkan amat sukar bagi pesara-pesara pekerja ladang swasta untuk mendapatkan rumah selepas tamat pekerjaan mereka dengan ladang-ladang swasta berkenaan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja dan lombong yang tidak mempunyai rumah mereka sendiri apabila mereka meninggalkan pekerjaan mereka dengan majikan-majikan tersebut.

Hasil dari rundingan dengan majikan-majikan di perusahaan ladang dan lombong, melalui satu pasukan petugas yang dibentuk untuk tujuan ini, Kerajaan telah melancarkan sekim memiliki rumah bagi pekerja-pekerja golongan ini.

Dalam tahun 1976, Kerajaan Persekutuan telah juga menubuhkan satu Tabung Pusingan, yang pada permulaannya berjumlah sebanyak \$10 juta di bawah pentadbiran Kementerian Perumahan, dengan tujuan untuk memberi pinjaman kepada pekerja-pekerja yang ingin menyertai sekim ini. Di bawah sekim ini, pihak majikan akan membina rumah-rumah tersebut serta memberi berbagai-bagai subsidi untuk membantu pekerja-pekerja mereka, sementara Kerajaan negeri pula telah bersetuju untuk memberi kemudahan dalam perkara-perkara penukaran syarat tanah, memecahkan lot-lot, serta meluluskan pelan-pelan perumahan tersebut dengan bayaran yang murah.

Sekim ini, telahpun dilancarkan dengan pembinaan 232 unit rumah di ladang Batu Pekaka, Kuala Ketil Kedah, dan peringkat pertama sebanyak 38 unit rumah dari jumlah 110 unit di Ladang Tennamaram, Batang Berjuntai, Selangor. Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang juga telah melaksanakan sekim ini dengan membina 108 unit rumah di Ladang Dovenby, Sungai Siput, Perak.

Kerajaan Negeri Johor dan Negeri Sembilan telah juga merangka garis-garis panduan bagi pelaksanaan sekim ini di negeri-negeri mereka. Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan satu pasukan petugas yang berasingan bagi mempercepatkan pelaksanaan sekim ini dan dijangka akan menandatangani "surat-surat persefahaman" lewat bulan ini dengan tuan-tuan punya ladang Sepang dan Ladang Brooklands, dan juga dengan Supreme Corporation bagi pekerja-pekerja lombongnya.

Selain dari itu, sejumlah 47 buah ladang-ladang dan lombong yang lain di seluruh negara telah menyatakan minat mereka untuk menyertai sekim ini. Mereka termasuk 10 di Johor, 13 di Selangor, 2 di Negeri Sembilan, 17 di Perak, 3 di Pahang, 1 di Melaka dan 1 di Kedah. Mereka sekarang ini adalah dalam proses berunding dengan Kerajaan Negeri di negeri masing-masing.

Kementerian saya akan meneruskan usaha-usahanya untuk menggesa lebih ramai lagi tuan-tuan punya ladang dan lombong di seluruh negara untuk melancarkan sekim memiliki rumah ini untuk faedah pekerja-pekerja mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 26 hingga 33 adalah diberi di bawah ini).

SISTEM JALAN BAWAH TANAH (SUBWAY)

6. Dr Tan Tiong Hong minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau akan timbang memperkenalkan satu sistem perjalanan bawah tanah (subway) untuk menyambungkan kawasan bandaraya dalam (Inner city area) Kuala Lumpur dengan Shah Alam, Petaling Jaya, Damansara, Sungai Besi, Ampang, Ulu Klang, Kampung Pandan, Setapak, Gombak, Desa Jaya, Taman Kepong, Kepong Baru, Jinjang dan Sentul.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Hussein Onn): Projek Pengangkutan Bandar Kuala Lumpur Kedua (Second Kuala Lumpur Urban Transport Project) bagi Kuala Lumpur dan kawasan sekitar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sedang dalam pelaksanaan pada masa sekarang dan projek ini adalah

untuk memperbaiki antaranya sistem jalan di Kuala Lumpur untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan membolehkan perhubungan pengangkutan jalan antara kawasan-kawasan di bawah rancangan ini berjalan dengan baik. Dengan itu Kerajaan belum ada apa-apa cadangan untuk memperkenalkan sistem perjalanan bawah tanah buat masa sekarang.

BEKALAN METER AIR DI PERAK

26. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa di Negeri Perak pada masa ini berlaku kekurangan bekalan meter-meter air dan ini menyebabkan orang ramai yang memohon untuk menyambung bekalan air paip ke rumah mereka terpaksa menunggu terlalu lama, jika ya, apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): bagi menjawab pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, adalah dimaklumkan bahawa saya tidak sedar tentang berlakunya kekurangan bekalan meter air di negeri Perak. Sepanjang pengetahuan saya tidak pernah berlaku kelewatan di dalam kerja-kerja menyambung bekalan air paip di negeri tersebut disebabkan oleh kekurangan meter air. Kebanyakan daripada kelewatan untuk membekalkan air adalah disebabkan oleh kekurangan bekalan air dan saluran paip besar (main pipe) yang saiznya adalah kecil untuk menambah bekalan. Kerja-kerja untuk menggantikan saluran paip besar "main pipe" senitasa dibuat oleh Kementerian saya untuk memberi kemudahan bekalan air kepada penduduk-penduduk di negara ini. Walau bagaimanapun sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahui kes-kes tertentu di mana kerja-kerja penyambungan bekalan air paip telah tergendala disebabkan oleh kekurangan meter air sukacita sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberikan kerjasama untuk melaporkan perkara itu kepada saya supaya tindakan sewajarnya dapat dilakukan.

HOSPITAL DAERAH BUKIT MERTAJAM

27. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Daerah Bukit Mertajam

sebenarnya berhak mempunyai seorang pakar perubatan, seorang pakar perbidanan dan sakitpuan, dan seorang pakar bedah. Jika ya, bilakah pakar-pakar ini akan dihantar ke Hospital Daerah Bukit Mertajam jika tidak, mengapa.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Penempatan pakar-pakar di hospital-hospital khususnya di Hospital-hospital Daerah adalah ditentukan oleh Kementerian Kesihatan dan bukan oleh orang luar. Kementerian Kesihatan terpaksa mengambil hitungan masalah 'priority' atau ketutamaan. Beberapa faktor, terutama sekali mengenai bilangan pakar-pakar yang ada dalam perkhidmatan Kerajaan, kehendak dan bebanan kerja yang menghendaki rawatan kepakaran, kemudahan-kemudahan yang ada di hospital tersebut, dan jarak jauhnya hospital-hospital itu dari hospital-hospital yang ada mempunyai kemudahan-kemudahan dan pakar-pakar yang tertentu.

Sungguhpun pada masa ini Hospital Daerah Bukit Mertajam tiada mempunyai pakar-pakar seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, akan tetapi Pakar Klinik Perkhidmatan Umum, Pakar Bedah, Pakar Perbidanan dan Sakitpuan pernah ditempatkan di hospital tersebut dari masa ke semasa apabila pegawai tersebut ada di Kementerian ini.

Pada ketika ini oleh kerana terdapat kekurangan pakar-pakar dalam perkhidmatan Kerajaan dan keperluan di tempat-tempat lain adalah lebih genting terutama sekali di hospital-hospital yang lebih besar dan digunakan sebagai hospital latihan untuk doktor-doktor pelatih kita, 'houseman', maka kita tidak dapat menempatkan pakar-pakar ini dihospital tersebut. Walau bagaimanapun kes-kes yang memerlukan perhatian pakar-pakar adalah dirujukan dari Hospital Daerah Bukit Mertajam ke Hospital Besar Pulau Pinang yang mana letaknya hanya lebihkurang 12 atau 14 batu sahaja dari Bukit Mertajam. Hospital Besar Pulau Pinang terdapat 2 orang Pakar Perunding Perubatan Umum, 2 orang Pakar Bedah, seorang Pakar Perunding Bedah Otopidik, seorang Pakar Bedah Thoracic, dan seorang Pakar Perunding Perbidanan dan Sakitpuan.

Doktor-doktor pakar akan ditempatkan diHospital-hospital Daerah apabila kita

mempunyai cukup bilangan pegawai-pegawai tersebut dan ini adalah sejajar dengan hasrat Kementerian ini untuk memberikan satu perkhidmatan perubatan yang bermutu tinggi.

PENDATANG HARAM INDONESIA DI SABAH

28. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang haram dari Indonesia yang kini berada di Sabah; bagaimana mereka datang ke Negeri itu dan langkah-langkah yang diambil untuk menyekat kedatangan mereka seterusnya; sama ada beliau sedar bahawa pihak polis di Samarinda, Kalimantan Timur sedang mempergiatkan penyiasatan mereka ke atas laporan-laporan bahawa penghuni-penghuni kem sementara telah "dijual" untuk bekerja di ladang-ladang di Sabah dan nyatakan pendirian dan dasar Kerajaan mengenai perkara ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak ada pendatang-pendatang haram dari Indonesia yang berada di Sabah pada masa ini. Dalam tahun 1978 seramai 635 pendatang haram Indonesia telah ditangkap dan dihantar balik ke Indonesia. Dari 1.1.79 hingga 31.5.79 seramai 414 pendatang haram Indonesia telah ditangkap di Sabah dan mereka-mereka ini kesemuanya telah dihadapkan ke mahkamah dan diusir keluar. Mereka ini datang dengan melalui jalan darat dan laut. Mereka ditangkap, didakwa di mahkamah dan selepas menjalankan hukuman yang dikenakan oleh mahkamah, mereka diusir keluar dan nama-nama mereka dimasukkan ke dalam senarai syak imigeresen untuk mencegah kemasukan mereka ke negeri ini di masa-masa akan datang. Jabatan Imigeresen menjalankan pemeriksaan dari semasa kesemasa ditempat-tempat yang disyaki di mana pemasuk-pemasuk haram berada dan juga apabila menerima maklumat-maklumat dari orang awam. Perkara penyiasatan oleh pihak polis di Samarinda, Kalimantan Timur sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu adalah tidak ujud.

KEPERLUAN TENAGA KERJA NEGARA

29. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan keperluan tenaga manusia di negara ini supaya dapat

memandu pelajar-pelajar kita memilih karier yang mereka suka atau memilih karier yang paling sesuai sekali untuk mereka.

Tuan K. Pathmanaban: Hasil daripada suatu kajian tenaga kerja yang telah dibuat dalam tahun 1973, Kerajaan telah menggariskan gambaran secara luas berkenaan dengan permintaan dan penawaran tenaga kerja negara bagi tahun 1976—1980. Garis-garis ini telah dinyatakan di dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga yang telah diedarkan secara meluas. Hasil daripada gambaran ekonomi negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, negara ini akan memerlukan lebih kurang 65,300 orang ahli ikhtisas dan pekerja teknik, 12,300 pekerja dibidang Pentadbiran dan Pengurusan, 59,000 pekerja Perkeranian, 32,000 pekerja Jualan dan 190,000 pekerja di bidang Pengeluaran dalam tempoh masa itu. Adalah dijangka permintaan bagi kemahiran yang tertentu dibidang Kejuteraan, Pertanian, Kesihatan, Pelajaran dan Perniagaan akan bertambah dengan banyaknya.

Dalam konteks yang luas berkenaan dengan keperluan tenaga kerja seperti yang dinyatakan ini, pelajar-pelajar kita mestilah mendapat panduan yang khusus daripada agensi-agensi Kerajaan yang menjalankan aktiviti Panduan Kerjaya. Pihak Kementerian Pelajaran ada menyediakan kemudahan-kemudahan Panduan Kerjaya ini bagi digunakan oleh murid-murid sekolah bagi mendapat panduan-panduan yang sesuai di dalam memilih karier yang mereka berhasrat. Di samping itu institusi-institusi pelajaran tinggi juga ada menyediakan kemudahan ini. Pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga MARA memang menyediakan kemudahan-kemudahan ini untuk membantu pelajar-pelajar dan pencari-pencari kerja amnya memberi nasihat yang khusus untuk memilih karier mereka dalam konteks permintaan dan penawaran tenaga kerja yang telah digariskan oleh Kajian seperti yang dinyatakan di dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga.

RUMAH DI PULAU PINANG— KENAIKAN HARGA

30. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

menyatakan sama ada beliau sedar harga rumah-rumah di Pulau Pinang telah pada keseluruhannya meningkat sebanyak 20% sejak 6 bulan yang lalu; jika ya, nyatakan sebab-sebab mengapa harga rumah-rumah meningkat dan nyatakan langkah-langkah Kementeriaannya ingin mengambil untuk hentikan tingkatan harga rumah-rumah.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Michael Chen Wing Sum): Mengenai soalan Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason mengenai kenaikan harga rumah di Pulau Pinang, pada amnya dapat dikatakan kenaikan harga-harga rumah bukan sahaja di Pulau Pinang bahkan di seluruh negara dalam masa kebelakangan ini khasnya dalam tempoh 6 bulan yang lalu. Kenaikan harga ini berbeza dari tempat kesetempat dan anggaran kenaikan ialah antara 15% hingga 20%. Setakat ini Kementerian saya tidak mengawal harga-harga rumah oleh kerana ini satu perkara yang rumit hendak dilakukan. Sebaliknya Kementerian saya telah menasihatkan pemaju-pemaju perumahan supaya hendaklah lebih bertanggungjawab kepada orang ramai dengan tidak menaikkan harga jualan rumah-rumah dengan sewenang-wenangnya. Sekarang ini Kementerian saya telah mengenakan syarat bahawa pemaju-pemaju perumahan hendaklah menunjukkan harga jualan rumah tersebut di dalam iklan-iklan mereka dan sekiranya mereka hendak menaikkan harga-harga rumah ini, pemaju-pemaju perumahan ini hendaklah terlebih dahulu memberitahu kepada Kementerian saya mengenai cadangan mereka untuk menaikkan harga rumah tersebut. Dengan cara ini diharap pembeli-pembeli akan sedar mengenai harga-harga rumah itu daripada awal-awal lagi dan bolehlah membuat keputusan semasa hendak membelinya atau tidak.

BAHAN SEJARAH MALAYSIA KE MUZIUM AMERIKA SYARIKAT

31. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa dimuzium-muzium di Amerika Syarikat tidak terdapat bahan-bahan sejarah dari Malaysia, sedangkan Sri Lanka, Burma dan Thailand ada menghantar bahan-bahan sejarah tanah airnya. Untuk mengenalkan Malaysia lebih

dekat, sama ada Kerajaan akan menghantar bahan-bahan tersebut, seperti binatang-binatang buas dari Malaysia, jenis-jenis burung, ikan, getah, bijih timah, buah-buahan dan sebagainya untuk dipamerkan di muzium-muzium tersebut, sebagai sumbangan dari Kerajaan Malaysia, Jika tidak, mengapa.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Memang benar bahan sejarah dan bendapurba dari Malaysia kurang dipamerkan di Muzium-muzium di Amerika Syarikat, kerana adalah menjadi dasar kerajaan tidak menggalakkan bahan-bahan sejarah dan bendapurba di Malaysia di bawa keluar negeri.

Di antara sebab mengapa tindakan demikian diambil ialah kerana bahan sejarah ini adalah peninggalan proses perkembangan sejarah tanahair dan adalah harta dan warisan negara yang sangat penting dan bernilai untuk disimpan sebagai bahan pameran dan penyelidikan rakyat negara ini. Jikalau dibenarkan dibawa keluar negeri barang ini akan lenyap dari sini dan kehilangan ini merupakan satu kerugian besar kepada negara.

Itulah sebabnya untuk mengelakkan pengeluaran bahan sejarah ini, kerajaan telah mengadakan Akta Bendapurba No. 168/1976 yang bertujuan antara lain untuk menyekat pengeluaran bahan sejarah dari negara ini.

Walau bagaimanapun pihak Kerajaan bersedia membekalkan bahan-bahan seperti binatang-binatang buas, jenis-jenis burung, ikan, getah, bijih timah, buah-buahan dan sebagainya untuk di pameran di Muzium-muzium tersebut sebagai sumbangan dari Kerajaan Malaysia apabila ada permintaan dibuat oleh pihak-pihak muzium tersebut. Tidak ada gunanya kita membekalkan barang-barang tersebut jika mereka tidak memerlukannya dan kemudiannya disimpan disetor sahaja.

TV MALAYSIA—TAYANGAN GAMBAR LUCAH

32. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa akhir-akhir ini TV Malaysia telah menayangkan gambar-gambar

yang menunjukkan kelucahan dan separuh bogel bercampur aduk dengan rancangan Agama Islam. Ini menyeleweng dari tujuan kita untuk mengujudkan satu jenerasi yang bermoral dan berdisiplin dan jika ya, sama ada Kerajaan akan memasukkan ahli-ahli agama dan pelajaran di dalam Lembaga Penapisan Filem selain daripada pegawai-pegawai RTM.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pada hemat saya maksud Ahli Yang Berhormat itu dianggap iaitu sesebuah rancangan mengenai Agama Islam didahului atau di susuli oleh rancangan lain yang mungkin mengandungi gambar-gambar yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai lucu dan separuh bogel.

Sebagai yang pernah dinyatakan dalam Dewan Yang Mulia ini siaran-siaran TV Malaysia Malaysia adalah dipersembahkan atas dasar memperimbangan rancangan-rancangan yang mencerminkan cara hidup rakyat Malaysia yang berbilang kaum dengan rancangan yang disukai ramai menurut hasrat penonton-penonton yang mempunyai selera yang berbeza-beza. Pihak RTM tidak mengeneppikan kepentingan melahirkan jenerasi yang bermoral dan berdisiplin kerana itu adalah sebahagian daripada tujuan Rukunegara, dan Rukunegara adalah menjadi pedoman tindakan pihak RTM. Apabila diketahui ada gambar-gambar yang ditayangkan di TV Malaysia yang mungkin menjejaskan tujuan ini pihak RTM mem-berhentikan tayangan itu.

Filem-filem untuk tayangan di TV adalah juga ditapis mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Hanya filem-filem yang didapati sesuai sahaja diluluskan untuk tayangan. Pegawai-pegawai di dalam Lembaga Penapis Filem ini antara lainnya termasuk juga bekas Pegawai-pegawai Pelajaran dan Ahli-ahli Agama.

CHIAN HENG KAI/CHAN KOK KIT— PENAHANAN

33. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab penahanan berterusan Yang Berhormat Chian Heng Kai dan Yang Berhormat Chan Kok Kit di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri

(ISA). Adakah beliau menimbangkan membebaskan mereka supaya mereka dapat mengambil tempat di Dewan Rakyat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Pembebasan orang-orang tahanan dibuat setelah Kerajaan menimbangkan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan dalam Akta tersebut, serta Kerajaan berpuashati bahawa pembebasan mereka tidak akan membahayakan keselamatan negara. Sehingga kini mengenai dua orang tersebut Kerajaan belum lagi berpuashati yang mereka itu tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

PENDATANG HARAM VIETNAM

3. 55 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) untuk mencadangkan:

Bahawa Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ketua Pembangkang Parlimen, Yang Berhormat Lim Kit Siang, mencadang supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk tujuan merunding satu perkara tertentu kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu Dasar Baru Kerajaan mengenai pelarian untuk menghalau keluar 73, 000 pelarian-pelarian pendatang-pendatang haram Vietnam serta menembak 'orang-orang bot' yang masuk ke perairan Malaysia;

Bahawa perkara ini adalah tertentu, kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan kerana Dasar Baru ini bukan sahaja telah mengujudkan perasaan "revulsion" di antara rakyat Malaysia yang bermoral dan 'decent' bahkan juga telah mencemarkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa—yang sudahpun dicemarkan dengan peristiwa mati lemas yang malang seramai 104 orang pelarian-pelarian dekat Mersing pada 31hb Mac yang telah membawa bukan sahaja kesan-kesan buruk kepada 'standing' antarabangsa Malaysia bahkan juga telah menjejaskan missi-missi

menggalakkan pelaburan peringkat tinggi yang dihantar ke luar negeri;

Lanjutnya, sebarang pelaksanaan Dasar Baru mengenai pelarian-pelarian akan menempatkan Malaysia setanding dengan kelakuan Vietnam yang tidak beradaban, kejam dan tidak berperimusiaan dengan tidak menghiraukan langsung nyawa dan kesengsaraan manusia; dan Malaysia akan masuk ke dalam perangkap Vietnam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kehausan darah dan 'cold-blooded' yang lebih dasyat kekejaman dari Vietnam;

Bahawa sungguhpun Malaysia telah mengalami kesusahan dan dibebankan dengan exodus pelarian-pelarian dari Vietnam yang tidak terhenti-henti yang mana Vietnam telah mengeksploitkan dengan kejam kesengsaraan pelarian-pelarian tersebut dengan tujuan untuk 'destablize' Malaysia dan negara-negara Asean yang lain, Malaysia hendaklah bersama negara-negara Asean yang lain berusaha dengan lebih untuk hentikan Vietnam dari terus mengeksploitkan pelarian-pelarian serta 'destablize' negara-negara Asean dengan langkah-langkah termasuk langkah-langkah berikut:

- (1) memutuskan perhubungan diplomat dengan Hanoi;
- (2) mengadakan satu perbincangan kecemasan di Bangsa-bangsa Bersatu untuk mendakwa Vietnam dengan Jenayah-jenayah rasisma dan "genocide" antarabangsa;

Dan kerajaan hendaklah menarik balik Dasar Baru bermata dua itu yang akan menghancurkan jiwa dan kedudukan moral Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat baru sahaja mendengar Ahli Yang Berhormat dari Petaling membawakan usul supaya ditangguhkan Dewan ini untuk membincangkan perkara sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Di dalam ucapannya, salinannya sudah dikirirkan kepada saya pagi tadi, tidak kurang daripada empat kali telah disebutkan kalimat Dasar Baru Kerajaan dan daripada apa yang saya dapati daripada ucapannya tadi dan surat yang dikirirkan kepada saya ini Dasar Baru Kerajaan itu semata-mata mengikut kepada laporan dalam akhbar. Saya sendiri pun belum ada mendengar Dasar Kerajaan yang rasmi dan daripada laporan akhbar juga umpamanya hari ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa kenyataan beliau itu menyatakan daripada apa yang dikeluarkan di dalam akhbar tempatan dengan yang diterbitkan di akhbar luar negeri, dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan walaupun ada perbezaan tetapi tidak menarik balik. Walau bagaimanapun dapatlah difahamkan bahawa laporan itu tidak sebagaimana yang dinyatakannya bagi menjawab pertanyaan dengan sepenuhnya.

Di bawah Peraturan Mesyuarat 18 ini saya yang hendak mengambil keputusan hendaklah berpuashati atas tiga perkara iaitu:

- (i) perkara ini tertentu;
- (ii) perkara ini bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) perkara ini perlu disegerakan.

Berkenaan dengan perkara tertentu, mengikut Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini ialah perkara tertentu bagi Dasar Baru iaitu untuk mengeluarkan 73,000 pendatang haram ini serta menembak orang-orang bot yang akan masuk ke perairan Malaysia. Ini boleh diragukan sama ada benda ini benar atau tidak kerana kenyataan rasmi kita belum dapat tahu lagi. Tetapi boleh dikatakan tertentu perkara ini kerana pendatang haram ini memang ada di tanahair kita sampai 73,000 orang sekarang dan perkara ini juga adalah perkara yang berhubung bagi kepentingan orang ramai. Kepentingan orang ramai di sini juga mengikut daripada Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang berlainan sedikit kepentingannya. Tetapi walau bagaimanapun kepentingan orang ramai itu memang ada kerana seramai 73,000 pendatang haram ini sudah menimbulkan kesukaran dan kesulitan serta kerumitan bagi Kerajaan dan rakyat negeri ini dan juga

menjejaskan keadaan politik, ekonomi dan juga mengancam keselamatan dan ketenteraman dalam negaranya. Jadi ini saya bersetuju bahawa adalah untuk kepentingan orang ramai memang ada dalam perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Perkara sama ada perlu disegerakan atau tidak, ini terdapat juga perkara-perkara yang disebutkan di dalam ucapan Yang Berhormat tadi iaitu Yang Berhormat sangat mengambil berat tentang imej Malaysia di luar negeri, takut kalau dituduh kejam atau lebih kejam dan tidak berperikemanusiaan termasuk langkah-langkah memutuskan pula perhubungan diplomat dengan Hanoi dan mengadakan satu perbahasan kecemasan di Bangsa-bangsa Bersatu dan juga supaya ditarik balik Dasar Baru ini supaya tidak menghancurkan kedudukan moral Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa.

Pada hemat saya setelah meneliti surat yang diberi kepada saya dan ucapannya tadi kalau saya tangguhkan sidang ini pada hari ini dengan syarat-syarat yang ada seperti dalam Peraturan Mesyuarat 18 (1) dan (2), Dewan ini akan membahaskan sesuatu yang belum tentu apa keadaannya kerana kita mengetahui yang benar-benar ada tindakan di luar selain daripada laporan akhbar ialah tindakan pengirisan telegram daripada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mendapatkan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang perkara yang didengar ini. Jadi dengan sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengeluarkan jawapannya dan akan diumumkan. Oleh sebab telegram itu diterima sebagai umum maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengikut yang kita dengar laporannya akan menjawab telegram itu dan akan diumumkan.

Pada hemat saya usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini adalah berupa premature, terlalu awal bagi membincangkan perkara yang belum tentu apa perkaranya. Jadi kalau saya tangguhkan Dewan ini nanti satu jam masanya akan terbuang untuk perkara yang belum tentu lagi benar atau tidaknya perkara ini. Pada hemat saya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengeluarkan kenyataannya sebagai

jawapan kepada telegram Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, maka ini tidak pula ditegah sama ada Yang Berhormat Ketua Pembangkang atau Yang Berhormat yang lain-lain membawa pula usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 juga telah mendapat satu keterangan. Jadi kalau sekarang kita bincangkan, saya sendiri tak tahu hendak menjaga hak yang mana, hal-hal yang mana tak keluar daripada garisan perkara ini. Dengan sebab itu patut disegerakan itu saya tak nampak sehingga dapat kita mendengar atau membaca penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi jawapan kepada telegram yang telah diterima daripada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Ini ruling saya. Dengan sebab itu usul ini tidak dapat saya benarkan untuk dibahas.

Perdana Menteri: Untuk memberi makluman kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat berkenaan dengan penjelasan saya dan jawapan saya, bukannya kandungan, iaitu berkenaan dengan makluman bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, kalau dapat diizinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang hendak buat kenyataan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk memberi makluman dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi dalam Peraturan Mesyuarat.....

Perdana Menteri: Bukannya saya memberi kenyataan, cuma memberi keterangan mengenai Press Conference, bila hendak dihantarkan benda ini, barangkali semua Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui, supaya Ahli-ahli Pembangkang juga mengetahui iaitu benda itu sudah disampaikan dan kita tidak dapat menerangkan hari ini oleh sebab kita mengambil masa untuk sampai ke sana dan pada pukul 6.00 petang nanti akan diadakan Press Conference di mana akan dijemput semua wartawan-wartawan termasuk juga wartawan-wartawan daripada luar negeri di mana Tan Sri Ghazali Shafie akan menerangkan berkenaan dengan jawapan saya yang saya sampaikan kepada Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT
RANG UNDANG-UNDANG
PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peruntukan Diraja 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENCEN KHAS (RAJA
PERMAISURI AGONG)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan-peruntukan khas bagi memberi pencen, elaun dan keistimewaan-keistimewaan lain kepada seorang Raja Permaisuri Agong yang menjadi balu atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong semasa masih memegang jawatan; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS
SUKAN NEGARA MALAYSIA**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (15hb Jun. 1979)

Perbahasan disambung semula

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu menyambung.

3.48 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil kesempatan ini pada awal-awal ucapan pada hari ini untuk mengucapkan tahniah kepada Pasukan Selangor yang telah berjaya mempertahankan Piala Malaysia dalam perlawanan akhir pada malam Sabtu yang lalu dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini

untuk menyeru pihak FAM supaya memandang serious terhadap perbuatan beberapa orang pemain Pasukan Singapura yang telah menunjukkan ketiadaan semangat kesukanan di tengah-tengah padang apabila pihak referee membuat keputusan bahawa goal yang pertama itu telah dimasukkan dan saya perhatikan pemain-pemain Singapura, terutama dua orang pemain, seolah-olah telah bukan sahaja bertelagah secara mulut dengan pihak referee tetapi juga menggunakan tangan sebagai protes kepada keputusan referee itu.

Insiden seperti ini tidak harus dipandang ringan, hakikat bahawa perkara ini dilakukan oleh sebuah pasukan di luar daripada negara Malaysia luar negeri, bukanlah menjadi sebab untuk kita bertindak tetapi kalau pun perkara ini dilakukan oleh ahli-ahli pasukan dalam negeri kita sendiri, lebih-lebih lagi kita patut bertindak supaya kecacatan yang mungkin terdapat di dalam perlawanan Piala Malaysia dan lain-lain perlawanan bola dapat dihindarkan dan supaya dapat dihindarkan keadaan tegang yang tidak termentinya wujud dalam perlawanan final seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang Jumaat yang lalu saya telah menyentuh perkara cadangan pembinaan padang golf di Ampang Jaya yang telah diprotes oleh pihak Persatuan Pencipta Alam. Saya menyebut bahawa sebahagian daripada kawasan yang hendak dibina padang golf itu sekarang terdapat setinggan-setinggan yang bukan duduk membina rumah tetapi membina rumah untuk tempat duduk dan juga menjadikan kawasan itu sebagai ladang ternakan secara haram. Dari segi threat ancamannya kepada catchment area di kawasan Ampang itu saya menganggap setinggan yang ada sekarang ini lebih merupakan suatu ancaman kepada catchment area di kawasan takungan air di kawasan itu daripada kalau dibina sebuah padang golf yang tentunya akan dijaga, dipereelok menjadi suatu taman yang cantik. Oleh yang demikian, saya tidak nampak mengapa pihak Persatuan ini beria-ia benar menentang cadangan itu. Mungkin penentangan terhadap pembinaan padang golf ini berpunca daripada hakikat bahawa golf ini merupakan suatu permainan hanya untuk golongan elite, orang-orang upper class, orang-orang middle class, upper middle class atau golongan-golongan eksekutif tinggi dan

pertengahan, hanya orang-orang golongan ini yang mampu bermain golf. Kalau ini sebabnya maka ditentang pembinaan padang ini, maka saya tidak bersetuju sama sekali oleh kerana permainan itu tidak patut disalahkan kerana berlakunya hakikat ini, hakikat bahawa di negara kita ini pada masa ini permainan golf merupakan permainan golongan elite, golongan kelas atasan yang tidak dimampui oleh golongan-golongan bawahan seperti yang berlaku di Amerika dan lain-lain negeri Eropah.

Tugas kita sekarang dan tugas Kementerian ini mungkin dapat mempergunakan Majlis Sukan Negara yang Rang Undang-undangnya dibentangkan sekarang ialah menentukan supaya permainan ini tidak terkhusus kepada golongan-golongan elite yang saya sebutkan tadi, bahawa kita hendaklah menjadikan permainan ini sebagai suatu permainan yang boleh dinikmati oleh bilangan penduduk yang ramai di dalam negara ini terutama orang-orang dewasa yang tidak mungkin mempunyai stamina lagi untuk bermain bola, bermain sepak takraw, bermain hockey ataupun bermain badminton. Bagi orang dewasa seperti saya permainan yang boleh saya main barangkali hanyalah tennis dan golf kalau saya mampu. Jadi perlulah diperbanyakkan padang-padang golf untuk public atau public course di dalam negara ini terutama di sekitar Kuala Lumpur ini supaya orang-orang dewasa tidak membuang masa mereka di tempat-tempat yang tidak mustahak dan supaya juga barangkali anak-anak muda dapat ditarik minat mereka mempelajari permainan ini kalau dapat dimurahkan permainan ini supaya mereka tidaklah lagi membanjiri tempat-tempat seperti Shopping Complex dan merayau ke sana ke mari di Shopping Complex tadi.

Di negara-negara ASEAN yang lain yang telah saya lihat, di Filipina misalnya permainan golf diajar kepada kanak-kanak sekolah rendah, daripada sekolah rendah lagi diajar bermain golf, di sekolah menengah juga begitu dan di kampus-kampus universiti terdapat padang golf, kenapa kita tidak dapat membuatnya di negara kita. Saya harap selain daripada dibina lebih banyak public course, saya harap digunakan juga tanah-tanah lapang yang terdapat di pinggir-pinggir

bandar atau di tengah-tengah Wilayah Persekutuan ini untuk dibina driving range supaya di masa-masa lapang, petang misalnya orang ramai boleh pergi berlatih memukul bola golf dan dengan demikian mengeluarkan peluh dengan tidak payah berlari ke sana ke mari seperti yang berlaku sekarang iaitu orang-orang tua selain daripada permainan-permainan ringan mereka terpaksa berlari jogging keliling Lake Gardens dan sebagainya untuk mengeluarkan peluh. Jadi kita perlulah perbanyakkan tempat-tempat yang boleh orang ramai mengeluarkan peluh.

Begitu juga tanah-tanah lapang kecil yang banyak terdapat di Kuala Lumpur ini perlu dibina padang-padang tennis supaya orang ramai terutama orang dewasa boleh menikmati permainan itu. Saya perhatikan di negeri-negeri lain padang tennis ini dideretkan di pinggir-pinggir jalan, di tepi-tepi jalan di mana ada tempat lapang dibina padang-padang tennis, tidak ada tempat yang ditinggalkan begitu sahaja, ada sahaja tanah lapang dibina sama ada court badminton atau court tennis. Kita di sini banyak tanah lapang, tetapi kita gunakan tanah itu untuk tanam lalang, kita juga banyak tanah lapang yang lama kelamaan akan didiami oleh setinggan. Kalau setinggan untuk duduk rumah tidak apa juga, tetapi setinggan-setinggan itu kadang-kadang membina woksyp, membina bangunan-bangunan untuk tujuan commercial. Inilah satu keadaan yang tidak sihat yang sedang berlaku di Ibukota sekarang sehingga tempat-tempat lapang yang patut digunakan untuk tempat kita beriadah akhirnya menjadi tempat pencemar alam.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi saya hendak sebut, kembali kepada permainan bola tadi saya nampak Stadium Merdeka yang ada sekarang ini walaupun sudah diperbesarkan baru-baru ini tetapi saya nampak kita ada keperluan untuk kita mempunyai stadium baru yang lebih besar. Stadium kita yang ada sekarang ini boleh memuat antara 40,000-45,000 kalau tidak salah. Ini sudah tidak sepadan dengan tambahan penduduk di Wilayah Persekutuan apalagi mengingat bahawa kalau ada perlawanan-perlawanan besar bukan sahaja orang-orang di Wilayah Persekutuan yang datang melihat permainan itu bahkan juga orang-orang yang tinggal di

bandar-bandar yang berdekatan dengan Kuala Lumpur termasuk Ipoh, Seremban, Melaka dan sebagainya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Oleh yang demikian, kita selalulah lihat bahawa bila ada perlawanan-perlawanan besar, final atau semi final misalnya banyak orang yang tak dapat masuk ke stadium itu kerana tiket sudah habis. Oleh yang demikian, saya haraplah pihak Kementerian ini mula memikirkan dari sekarang kemungkinan dibina sebuah stadium baru yang lebih besar dan lebih moden, tak mengapa lebih jauh dari Kuala Lumpur ini daripada pusat bandar ini, jauh ke Shah Alam atau di mana-mana pun tak mengapa asalkan lebih besar dan lebih lengkap jalan-jalan untuk menyenangkan crowd dispersal. Keadaan sekarang ini oleh kerana stadium ini terletak di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur, di tengah-tengah kawasan yang strategic, maka sebelum permainan bermula dan selepas permainan tamat berlaku traffic jam, bukan sahaja di sekitar kawasan stadium itu tetapi juga di seluruh bandar Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.03 ptg.

Tuan Hahim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berserta dengan rakan-rakan saya yang lain di dalam Dewan yang mulia ini untuk memberikan sokongan di atas suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Sukan Negara Malaysia, 1971.

Sebelum daripada itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri berkenaan yang telahpun sanggup menyediakan satu undang-undang baru untuk memperkemas lagi Majlis Sukan di dalam negara kita ini. Kita berharap dengan adanya pindaan ini supaya mutu sukan di dalam negara kita ini, tidak kira apa corak sukan, apa jenisnya akan meningkat naik dan akan bertambah mutunya dengan lebih baik dan lebih tinggi supaya negara kita ini juga boleh

dijadikan satu negara yang setanding dengan negara-negara di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menjadi kemusykilan kepada saya berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan dan Sukan ini ialah satu Kementerian yang amat penting yang mana tanggungjawab yang diberi kepada Kementerian ini begitu berat. Adalah lebih elok kalaulah kita berkehendakkan kepada Kementerian ini menumpukan kepada kegiatan belia dan sukan semata-mata dan jika boleh kegiatan kebudayaan itu diserahkan kepada Kementerian-kementerian lain yang agak sesuai dan sejajar dengan kehendak-kehendak keperluan kebudayaan negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, contohnya seorang pegawai belia yang ditempatkan di dalam satu-satu daerah ataupun dua tiga daerah, maka pegawai itu terpaksa menanggung beban yang begitu banyak berhubung dengan kebudayaan, kegiatan belia dan juga kegiatan sukan. Maka kita berasa sangat sukar bagi seseorang pegawai yang menjaga begitu banyak daerah, kadang-kadang dua tiga daerah meliputi pengetahuannya menyentuh berkenaan dengan kebudayaan, belia dan sukan sekali rangkum semua sekali. Oleh yang demikian, adalah lebih elok pegawai-pegawai Kementerian ditumpukan kepada kegiatan belia dan sukan semata-mata, kerana kedua-dua kegiatan itu bolehlah dianggap seimbang dan seiring jalan. Masalah kebudayaan kita serahkan kepada Kementerian lain kalau tidak menjadi halangan kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya di dalam Dewan ini sungguh berasa bangga dengan adanya pindaan-pindaan ini, terutama sekali berkenaan dengan lantikan Ahli-ahli Majlis di dalam badan yang baru hendak ditubuhkan ini kerana memandangkan daripada kedudukan majlis tersebut bolehlah dianggap sebagai meliputi segala kegiatan sukan di dalam negara kita ini. Kalau dahulu kita tak ada Majlis Olimpik Malaysia di dalamnya, tidak ada Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia di dalamnya, sekarang benda itu telah dimasukkan dan kita berharap dengan kemasukan beberapa orang tertentu dan diberi pula setinggi-tinggi kuasa kepada Menteri berkenaan memilih orang-orang yang betul-betul berbakat dan berkebolehan di dalam

kegiatan sukan supaya dilantik menduduki dalam Majlis itu, maka sudah tentu buah fikiran mereka itu akan memberi perangsang dan tenaga penggerak kepada kegiatan sukan di dalam negara kita yang sedang meningkat maju ini.

Tuan Yang di-Pertua, mutu sukan dalam negara kita bukanlah beransur mundur atau bergerak kebelakang, tetapi yang malangnya bagi negara kita pergerakan negara lain meningkat maju lebih pantas dan lebih deras daripada kita. Maka sebab itulah kita bergerak satu langkah, mereka bergerak empat langkah. Dengan demikian, maka kegiatan sukan negara lain boleh dikatakan lebih maju daripada sukan negara kita. Bukanlah bermakna kita tidak bergerak, kita bergerak tetapi pergerakan kita tidak begitu pantas cergas ataupun lebih deras seperti mana mereka bergerak. Maka dengan yang demikian, kalau kita lihat masa dahulu jelas sekali negara kita pernah terkenal dengan badmintonnya, negara kita terkenal dengan sepak takrawnya, bola sepaknya dan tidak ketinggalan lumba basikalnya, tetapi mengapa pada hari ini permainan-permainan itu tidak lagi menjadi kesukaan ataupun kegemaran negara kita yang mana kita telah tidak menjadi jaguh dalam badminton, kita tidak menjadi jaguh di dalam bola sepak, sepak takraw dan juga lumba basikal, walhal permainan-permainan ini adalah diasaskan oleh kita sendiri, yang mana negara kita telah terkenal pada satu masa dahulu.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan lumba basikal adalah satu jenis sukan yang agak penting yang mana negara kita telahpun menganugerahkan dua olahragawan yang terkenal seperti Ng Joo Ngan dan Daud Ibrahim di dalam kegiatan sukan lumba basikal di mana mereka memajukan ataupun mengharumkan nama negara kita di dalam arena sukan. Tetapi malangnya, mutu perlumbaan basikal negara kita sungguhpun maju tetapi maju tidak begitu deras, mungkin juga kerana tidak ada tempat mereka itu berlatih. Seperti mana sedia maklum satu velodrome yang disebut-sebut akan dibuatkan di dalam Malaysia ini, perkataan ini telah ditimbulkan dalam masa 10 tahun dahulu tetapi sehingga sekarang ini kita tidak lihat apakah yang dimaksudkan velodrome ataupun gelanggang basikal itu.

Ini adalah sangat perlu kalaulah melalui Majlis Sukan Malaysia yang akan diluluskan ini boleh mengambil perhatian bahawa gelanggang basikal ini sangatlah perlu untuk diwujudkan di dalam negara kita dan kita berharap dengan adanya gelanggang yang disebut-sebut 10 tahun dahulu mungkin gelanggang ini akan memberi kesempatan latihan kepada penunggang-penunggang basikal yang kita ada begitu banyak di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, gelanggang sukan ini kalau kita hendak buat di Kedah mungkin orang kata tidak menasabah tetapi tempat yang sehabis elok dan sehabis sesuai untuk mengadakan gelanggang basikal ini, saya agak kalau tidak menjadi halangan kepada pihak yang berkenaan eloklah kita adakan tapaknya di Universiti Malaya, di dalam itu kita buat tempat bagi belia-belia kita berlatih sukan ini dan dengan yang demikian maintenancenya itupun tidak begitu teruk, kerana di dalam Kampus Universiti ini ada pihak-pihak tertentu. Dengan bantuan Majlis Sukan ini maka sudah tentulah kita akan ujudkan satu velodrome yang agak termoden di dalam dunia. Di dalam negara kita yang kecil ini yang pada satu masa dahulu lumba basikal adalah satu jenis sukan yang digemari ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak bersetuju apa yang dikatakan oleh wakil dari Kuala Muda tempoh hari kerana kegiatan sukan kita kurang mendapat sambutan, kurang minat, mendapat sokongan dan sebagainya mungkin kerana kekurangan kewangan. Ini juga perlu dikaji, perlu ditimbang ataupun perlu diberikan perhatian serius oleh Majlis Sukan Negara yang mana Menteri akan tubuhkan sedikit masa lagi supaya soal kewangan ini diberi keutamaan yang tinggi. Jikalau tidak ada kewangan maka sudah tentu apa juga kegiatan sukan tidak akan berjaya kalau tidak ada wangnya. Oleh yang demikian, firma-firma yang agak maju perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada Majlis Sukan Negara yang mana akan ditubuhkan tidak berapa lama lagi. Dan dengan adanya pertolongan firma selain daripada bantuan-bantuan daripada Kerajaan maka sudah tentu kita yakin dan percaya kegiatan sukan dalam negara kita ini akan meningkat maju.

Demikian juga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sepak takraw, sepak takraw

juga sangat penting kepada negara kita. Tetapi yang menjadi malangnya sedikit kepada negara kita yang terkenal sebagai negara yang berbilang bangsa ini nampaknya permainan itu hanya ditumpukan kepada orang-orang tertentu seperti sepak takraw hanya terkenal kepada orang Melayu, bola tampar ataupun basket ball hanya terkenal kepada orang-orang Tionghua, demikian juga dengan ping-pong. Maka adalah lebih baik kalaulah Majlis Sukan Negara ini wujud, kita patut galakkan supaya orang-orang Melayu juga mengambil peranan yang terpenting di dalam soal basket ball ataupun ping-pong dan sebagainya. Demikian juga dari segi permainan sepak takraw, bola sepak, lumba basikal dan sebagainya biarlah semua bangsa boleh mengambil peranan bersama—ini tidak lain dan tidak bukan hanya melalui asuhan, didikan daripada penganjur-penganjur yang berkenaan supaya mereka ini juga giat di dalam sukan-sukan yang tertentu.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak bola sepak semata-mata adalah satu permainan yang betul-betul menunjukkan bercorak Malaysian iaitu tidak kira orang Melayu, orang Cina atau orang India, mereka ini bermain bersama-sama, ini boleh menjadi satu tauladan permainan yang patut digalakkan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai rakan-rakan saya ada menyebutkan bahawa kegiatan sukan ini perlu diasuh dan dididik dan digalakkan di peringkat di bangku sekolah. Tetapi pada pandangan saya jika kita berhajat kepada mutu sukan ini hendak ditinggikan, kita patutlah menggalakkan permainan sukan ini bukan setakat budak-budak di bangku sekolah malah lebih awal lagi daripada itu. Seperti mana kita semua di dalam Dewan ini masih ingat, semasa saya kecil-kecil lagi, saya pernah bermain guli. Jenis permainan guli ini harus kalau kita tidak pupuk ianya akan hapus begitu sahaja, kerana kalau umur tiga empat tahun digalakkan mereka bermain guli maka permainan guli dipraktikkan, accuracynya—tepat tujuannya. Kalau dalam enam ela tepat guli kita boleh tuju, itu menunjukkan satu jenis sukan yang baik. Demikian juga dengan permainan sole. Permainan ini kalau di negeri Kedah Perlis dan Pulau Pinang ianya sangat popular kepada kanak-kanak. Jadi permainan sole ini

juga melatih seorang itu accuracy kerana sistem permainannya, undang-undangnya adalah undang-undang yang tertentu boleh dimainkan masa budak-budak belum lagi masuk sekolah, dengan yang demikian kita boleh latih.

Tuan Yang di-Pertua, latihan daripada kecil-kecil ini sangatlah mustahak. Seperti mana contoh di Korea Utara. Mereka di dalam negara itu Kerajaan menentukan kegiatan seseorang itu, kalau Kerajaan kata kamu mahu menjadi seorang pemain bola sepak yang handal, maka dilatihlah daripada umur tiga tahun lagi supaya menjadi seorang pemain bola sepak yang handal di dalam negara Korea. Demikian juga dalam permainan badminton dan lain-lain lagi. Kalau hendak beri kerja pun maka Kerajaan sendiri menentukan, sungguhpun cara sistem ini tidak dipraktikkan oleh kita di dalam negara demokrasi ini tetapi cara hendak menggalakkan sukan, itu adalah satu cara yang boleh diambil contoh atau tauladan supaya kita boleh menentukan budak-budak ini supaya cenderung bermain bola sepak, cenderung di dalam perlumbaan basikal daripada kecil-kecil lagi dan kalau kita membuatkan ia cenderung perlumbaan basikal daripada kecil sehingga di bangku sekolah, apabila bekerja pun basikallah tempat dia hendak main kegiatan sukannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan rakan saya dari Ulu Trengganu tadi nampaknya stadium yang ada di dalam negara kita ini terlalu kecil. Sebagai contoh, dua tiga hari yang lepas nampaknya banyak orang berasa marah, berasa tidak seronok kerana mereka tidak boleh masuk. Sambutan begitu ramai daripada rakyat sehingga serik mereka melihat tetapi apa boleh buat malang dan nasib pemain-pemain sukan kerana tempat yang kita adakan itu terlalu kecil, tidak boleh mengambil semua penonton-penonton melihat perlawanan bola sepak yang agak sangat-sangat istimewa pada tahun ini. Perlulah Majlis Sukan ini memikirkan bahawa stadium bola sepak negara Malaysia perlu dikaji semula, adakah perlu kita mengadakan satu stadium lain atau memadai dengan stadium yang kita ada pada hari ini. Ini sangat mustahak.

Selain daripada itu, saya juga berharap supaya Majlis Sukan yang Menteri akan wujudkan ini, perlulah memikirkan bersama kalau betul-betul kita serius, kita sangat-sangat berkehendakkan mutu sukan kita ini akan meningkat tinggi, perlu dilatih, dipupuk dan dikaji di peringkat grass-roots lagi. Daripada grass-roots yang saya maksudkan pada hari ini kita dapat terutama sekali kawasan-kawasan pendalaman di negeri Kedah di mana padang bola tidak ada di daerah-daerah, demikian juga indoor Stadium tidak ada di daerah-daerah. Bagaimana kita berharap kalau tempat hendak bermain pun tidak ada, apatah lagi di negeri Kedah banyak padang bola telah dijadikan tanah bendang dengan adanya Rancangan Perairan MUDA, banyak tempat-tempat diambil alih oleh bendang. Maka dengan sebab yang demikian, perlulah bagi Majlis Sukan Negara ini memikirkan bersama supaya tiap-tiap daerah di dalam negara ini setidak-tidaknya kita memberikan satu padang bola permainan untuk daerah, demikian juga bagi sesuatu daerah itu kita mesti adakan satu gelanggang ataupun Stadium. Kalau indoor stadium kita boleh kumpulkan bakat-bakat di peringkat daerah, di peringkat kampung yang mana mereka juga ada kemampuan, ada kebolehan tetapi malangnya tidak ada tempat mereka hendak mengadu nasib atau bermain.

Tuan Yang di-Pertua, kalau soal padang bola ini boleh diselesaikan, soal indoor stadium yang agak sesuai dengan daerah yang berkenaan, kita yakin dan percaya dalam masa lima tahun negara kita akan mencapai balik Thomas Cup yang kita hilang begitu lama. Dalam masa lima tahun kalau kita berlatih secara serius, secara bersungguh-sungguh maka sudah tentu apa juga permainan, kegiatan sukan yang kita kalah ataupun kita hilang kepada negara lain dengan sendirinya akan balik ke tangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya merayu kepada Menteri yang berkenaan kalau betul-betul kita berhajat, kita bercita-cita hendak meninggikan mutu sukan negara kita, soal yang saya maksudkan ialah padang permainan (stadium) yang saya maksudkan tadi perlu diberikan pertimbangan yang serius dan saksama supaya daripada situlah kita boleh pilih, kita boleh mencungkil bakat-bakat yang terpendam di kampung-kampung.

Janganlah kita fikir bahawa mereka yang tinggal di kampung-kampung tidak mengerti bermain bola, tidak mengerti bermain badminton, mereka juga ingin tetapi apa boleh buat kerana tiada kemudahan seperti saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih teringat lagi dalam ingatan kita pada masa badminton menjadi satu permainan yang teragung bagi negara kita. Di tiap-tiap kampung, di tiap-tiap desa kita dapati belia-belia dan beliawanis kita memanglah gemar bermain badminton sehingga di pekan-pekan tiada reket lagi hendak dijual. Apakah salahnya kita ambil balik tarikh yang silam itu kita beri kegiatan ini di peringkat kampung supaya mereka ini berlatih dengan cara teratur dan sempurna di tempat-tempat yang tertentu maka sudah tentu mutu sukan kita akan meningkat naik.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbedatan kita hampir dua minggu di dalam Majlis ini, saya sungguh berasa sedih dan tidak seronok apabila saya lihat wakil-wakil daripada Pembangkang tidak mengambil bahagian bersama walhasilnya sukan adalah untuk negara. Maju sukan maju negara, menunjukkan di sini bahawa Parti-parti Pembangkang tidak ingin negara kita maju kerana mereka tidak mengambil perdebatan bersama untuk memajukan sukan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh wakil dari Menglembu yang mengancam Kerajaan, katanya itu lemah, ini lemah dan sebagainya kerana mutu sukan tidak tinggi. Kita sedar ini semua, sebab itulah pada hari ini sudah tiga hari kita berdebat masalah hendak memajukan sukan, Menteri yang berkenaan sedar, bukan tidak sedar, sebab itulah kita hendak menyusun semula pentadbiran kita, menyusun semula kerja kita supaya mutu sukan ini meningkat naik lebih daripada apa yang ada pada hari ini. Jadi wakil dari Menglembu tidak usah hairan sangat kerana ini memanglah tugas Kerajaan membetulkan apa yang tidak betul maka sebab itulah wujudnya satu Rang Undang-undang di hadapan kita pada hari ini untuk kita bincang bersama.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu, saya masih ingat lagi, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, semasa saya dibangku sekolah, cikgu hendak menggalakkan murid-murid supaya bermain sukan, tetapi digunakan dengan satu cogankata, "It's not the winning but the taking part", cogankata ini tidak perlu wujud sebenarnya, membuatkan tiap-tiap orang mengambil bahagian di dalam sukan sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh. Dia kata, "It's not the winning but the taking part." Jadi dia bermainlah. Jadi kalau bermain secara sambil lewa, tidak bersungguh-sungguh, cuma taking part semata-mata maka sudah tentulah mutu sukan pemain itu tidak akan meningkat naik. Dan dengan kata-kata itu juga membuat banyak orang malas bermain sukan, dia cuma pergi lari dua minit, dia cabut lari, dia tidak mahu main lagi, kerana katanya dia cuma taking part semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merojok ucapan saya balik kepada wakil dan sahabat saya dari Kangar. Memang benar apa yang dikatakan oleh sahabat saya dari Kangar itu, Kerajaan Negeri Kedah melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar beliau berpendapat adalah penting dan mustahak Wakil-wakil Rakyat juga mengambil peranan, yang sukan bukan kita hendak main untuk menang atau hendak lawan menjadi hero dalam perlawanan bola. Yang Amat Berhormat telahpun menubuhkan satu pasukan bola yang mengandungi Wakil-wakil Rakyat yang bermain. Saya berumur 40 tahun dipaksa suruh bermain. Maka oleh yang demikian, saya terpaksa kerana saya takut ada pilihan-raya kecil, terpaksa saya berlatih seperti-mana yang dikatakan oleh rakan saya dari Kangar. Memang saya berlatih tiap-tiap hari tetapi Alhamdulillah dengan latihan saya itu bukan setakat sukan sahaja boleh bermain, malah saya berjalanpun lebih cergas daripada dahulu dan insya Allah pada 27hb ini perlawanan yang pertama akan diadakan di antara Wakil Rakyat dengan Pegawai-pegawai Daerah dalam negeri Kedah iaitu satu perlawanan yang agak ganjil. Masa untuk perlawanan ini tidak lebih daripada 40 minit, kerana takut ada pilihan-raya kecil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam susunan permainan ini Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Kedah menjemput juga wakil Pembangkang beserta di dalam itu tetapi

malangnya wakil-wakil Pembangkang tidak ingin beserta di dalam pasukan bola sepak Wakil Rakyat Negeri Kedah itu. Oleh yang demikian, saya agak adalah lebih baik kalau kita Wakil-wakil Rakyat juga diberi kesempatan bermain sukan, apa juga curak sukan yang diadakan sangat perlu kita diberi sokongan dan kalau boleh tiap-tiap buah negeri dalam Malaysia ini kita adakan pasukan bola sepak, mula dengan bola sepak dahulu dan kita boleh ada inter-state, perlawanan inter-state di antara Wakil Rakyat daripada Perlis lawan Wakil Rakyat daripada Kedah, baru jumpa Yang Berhormat Encik Shaari Jusoh dengan Yang Berhormat Encik Hashim Endut di tengah-tengah padang. Ini juga satu cara yang sangat baik yang perlu dicontohi oleh negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak saya sudah bercakap agak panjang, masalah guli, masalah main bola Wakil Rakyat dan sebagainya maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya sokongan dan diharap dengan wujudnya Majlis Sukan Negara kita ini kita harap dan kita berdo'a supaya kegiatan sukan dalam negara kita akan meningkat naik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Panti.

4.28 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan. Saya bersama-sama rakan saya Ahli Yang Berhormat yang lain mengucapkan tahniah dan sokongan di atas undang-undang yang dibentangkan di Dewan ini yang bernama Majlis Sukan Negeri yang sepatutnya sudah lama ditubuhkan memandangkan keadaan penduduk negara kita yang boleh dikatakan 60% daripada rakyat Malaysia ini terdiri daripada kalangan belia-belia dan beliawanis-belawanis.

Tuan Yang di-Pertua, ini sesuai benar bagaimana saya ingat satu perperatah bahasa Arab, izinkan saya menyebutkan dalam bahasa Arab "al-aklus salim fijismis salim"—maksudnya akal yang sihat sejahtera duduknya di dalam badan yang sihat dan pemikiran yang sejahtera. Jadi untuk mendapatkan akal dan pemikiran yang sejahtera berkehendakkan badan yang sihat dan sejahtera.

Badan yang sihat dan sejahtera itu ialah datangnya daripada latihan-latihan sukan. Jadi ini sesuai benar dan saya percaya sesuai dengan semua ugama dalam dunia ini tidak ada yang melarang berkenaan dengan kegiatan sukan. Jadi syabas kepada Menteri yang berkenaan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah dapat mewujudkan satu undang-undang bagi menggubal dan menyelaraskan peraturan-peraturan baharu bagi Majlis Sukan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dunia luar sedangkan negara-negara komunis umpamanya yang sebok dengan communismya itupun mereka berkesempatan untuk mengambil bahagian dalam bidang sukan bahkan boleh dikatakan dalam badan dunia negara-negara blok komunis boleh dikatakan handal dalam bidang sukan ini. Jadi bagi kita di Malaysia ini sebagaimana yang saya katakan tadi kebanyakan penduduk kita adalah terdiri dari belia-belie dan beliawanis belaka. Jadi moleklah kalau Majlis Sukan Negara diperkemaskan dari masa ke semasa supaya kita dapat melahirkan ahli-ahli sukan yang setanding di peringkat antara bangsa. Bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat rakan saya telah menyentuh pada satu masa dahulu Malaya atau Malaysia terkenal di bidang badminton, kerana lahirnya pada ketika itu, iaitu pada tahun 50an kalau tidak silap saya, handalan-handalan bagi pemain-pemain yang handal di bidang badminton.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat dan saya di sini akan menyentuh sedikit berhubung dengan apa yang telah berlaku dan ini juga telah disentuh oleh beberapa orang rakan saya tadi iaitu di mana pertama sekali izinkan saya mengucapkan tahniah terlebih dahulu kepada pasukan bola Selangor, kepada negeri Selangor dan kepada pemain-pemainnya yang telah berjaya di dalam pertandingan bola sepak di Stadium Merdeka pada 16hb yang lalu dan ini membayangkan dan memberi contoh kepada kita di atas inisiatif Kementerian saya percaya dan di atas latihan dan bagaimana pihak-pihak yang berkenaan mengambil berat sehingga nama Selangor dan juga nama Malaysia telah begitu harum dalam sehari dua ini berkenaan dengan menangnya di dalam pertandingan bola sepak yang diadakan baru-baru ini dengan Singapura.

Apa yang ingin saya sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya berasa dukacita sedikit dan saya harap pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dapat mengawasi keadaan ini iaitu keadaan pemain-pemain Singapura sendiri. Barangkali puluhan ribu yang menonton di Stadium pada malam itu dan saya sendiri tidak berkesempatan untuk hadir di Stadium tetapi saya mengikuti di televisyen daripada awal sehingga akhir; di atas telatah atau sikap yang ditunjukkan oleh pemain-pemain negara jiran kita itu sungguh mendukacitakan dan saya percaya seluruh rakyat Malaysia berdukacita di atas sikap yang telah ditunjukkan oleh pemain-pemain Singapura itu.

Apa yang saya tahu sebahagian daripada pemain itu telah menunjukkan seolah-olah mereka itu gangster. Apa yang saya tahu gangster ini tidak berada di tengah-tengah permainan yang seumpama itu tetapi ini di tengah-tengah khalayak ramai, di tengah padang mereka menunjukkan sikap yang begitu rupa sehingga boleh memarahkan rakyat kita. Umpamanya mereka tidak patuh kepada keputusan pengadil yang mana goalnya masuk tetapi mereka membantah dan pada akhir saya perhatikan sehingga mereka memanggil linesman dan menunjukkan perasaan di hadapan pengadil dan sebagainya. Ini bukan pertama kali berlaku. Di Kuantan, Pahang pada masa yang silam pun berlaku sampai berbalang-baling botol ke padang. Inilah sikap yang ditunjukkan oleh setengah daripada pemain-pemain Singapura.

Saya ingin memberi ingatan kepada Kementerian, kalaulah keadaan ini tidak dapat dikawal apa akan terjadi. Ini nasib baik bermain di negeri kita, di Stadium kita. Apa yang akan terjadi kalau pemain-pemain kita takdirnya mereka bermain di pulau Singapura pula. Saya tidak dapat membayangkan apa yang akan terjadi kalaulah begini keadaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap melalui Kerajaan, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan melalui Majlis Sukan Negara yang ditubuhkan ini supaya dapat membisikkan, supaya dapat memberitahu kepada Kerajaan Singapura terutama sekali pemain-pemainnya supaya janganlah menunjukkan sikap yang demikian rupa di dalam negara kita ini, dan kalaulah mereka tidak

dapat mengubah sikap yang seumpama ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri satu masa kalau sampai masanya kelak, saya akan mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya mereka tidak dimasukkan dalam permainan FAM Malaysia; kalau mereka tidak dapat mengubah sikapnya.

Tuan Yang di-Pertua, perasaan ini bukanlah perasaan saya seorang bahkan saya telah meninjau ramai penonton-televisyen yang ada pada malam itu, mereka amat marah dengan keadaan seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil bahagian yang lebih panjang lagi untuk membolehkan rakan-rakan saya. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Majlis Sukan Negara Malaysia ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

4.35 ptg.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut bersama dengan rakan-rakan yang lain untuk menyokong Akta untuk meminda Akta Majlis Sukan Negara Malaysia, 1971 ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, belia dan Sukan yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum sejauh mana peranan sukan boleh bertanggungjawab mewujudkan persefahaman perasaan muhibbah dan persaudaraan di kalangan peserta-pesertanya yang terdiri dari berbagai bangsa, warna kulit, anutan agama dan kepercayaan hidup. Sudah sewajarnya rakyat negara ini memberi sokongan yang sepenuhnya kepada usaha-usaha pihak Kerajaan ke arah mengeratkan lagi persaudaraan dan persahabatan menerusi kegiatan-kegiatan sukan selama ini. Bukan sahaja sukan boleh mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh negara sendiri, malah ia boleh sedikit sebanyak menyelesaikan soal-soal kurang faham di antara negeri kita dengan negara-negara yang lain di dunia.

Menerusi sukan juga Malaysia dapat diperkenalkan dengan lebih dekat lagi kepada

negara-negara yang masih belum kenal kepada kita lagi. Misalnya, sebelum jaguh badminton kita Wong Peng Soon berjaya memenangi kejuaraan badminton sedunia dalam tahun 1950, negara-negara maju hanya berpendapat Malaysia merupakan sebuah negara yang belum bertamadun, yang dihuni oleh orang-orang liar semata-mata. Mereka menggambarkan keadaan orang-orang di sini masih hidup liar di atas pokok-pokok kayu yang tidak beradab. Sejak itu mulalah orang-orang barat sedikit demi sedikit mengetahui keadaan rakyat dan negara ini sebenarnya.

Kemenangan tersebut bukan sahaja mengharumkan nama baik Malaysia kepada dunia, malah dunia seluruhnya telah mengenali dan mengetahui negara kita dengan lebih luas, dengan lebih mendalam. Agak lebih mendekati negara Malaysia dengan dunia-dunia barat setelah kejohannya di bidang badminton dipegang berturut-turut selama 8 tahun di tangan Wong Peng Soon dan Eddy Choong. Agak menghairankan dunia bagaimana Malaya dipanggil pada masa itu yang selama ini digambarkan oleh orang-orang luar sebagai sebuah negeri yang mundur lagi belum bertamadun dapat dengan megahnya menewaskan jaguh-jaguh badminton antarabangsa dan mempertahankan kejuaraan tersebut selama 8 tahun pula.

Inilah dirasakan bagaimana peranan sukan dapat mengharumkan negara kita kepada dunia luar di samping meninggikan lagi imejnya sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Mungkin kita sedar tentang kemerosotan mutu sukan yang ada pada kita ini. Apa yang harus dilakukan ialah berusaha seberapa daya memperbaikinya. Soal-soal kelemahannya dan kekurangan ini boleh diatasi dengan memberi galakan dan latihan yang sepenuhnya kepada murid-murid yang masih berada di bangku sekolah lagi.

Murid-murid yang memperlihatkan tanda-tanda minat dan berbakat di sesuatu jenis sukan itu perlu dikumpulkan untuk diberi latihan yang lebih saintifik kepada mereka supaya besar kelak mereka boleh menjadi olahragawan-olahragawan harapan kita untuk mewakili negara kita di bidang-bidang sukan yang tertentu. Untuk mewujudkan ahli-ahli sukan seperti ini mereka hendaklah terlebih dahulu dilatih dalam satu bidang

kesukanan sahaja yang mereka menunjukkan kebakatan oleh pelatih-pelatih yang profesional yang terdiri daripada jaguh-jaguh sukan yang sudah bersara. Tidak ada sebabnya kanak-kanak seperti ini tidak boleh menjadi ahli-ahli sukan yang berjaya di kemudian hari kelak sekiranya mereka diberi latihan systematic di sepanjang tahun.

Punca utama menyebabkan mutu sukan kita jatuh ialah mereka hanya dilatih ketika menjelang temasya sukan sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sesudah dapat dibuktikan kehandalannya di bidang-bidang sukan tertentu, ia seharusnya dipertimbangkan mengikut mutu dan kebolehannya. Berdasarkan sistem ini ia boleh ditentukan sama ada ia dipertandingkan di peringkat daerah, nasional atau antarabangsa dan akhirnya menyertai sukan Olimpik juga.

Negara kita tidak kekurangan ahli-ahli sukan bermutu untuk menyertai pertandingan-pertandingan antarabangsa. Ketinggalan kita di segi ini ialah ahli-ahli sukan kita kurang diberi latihan yang sepatutnya mengikut kaedah-kaedah sukan yang moden dipraktikkan oleh peserta-peserta sukan antarabangsa hari ini. Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendaklah memberi keutamaan yang sewajarnya kepada pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi kita yang menunjuk sedikit sebanyak minat dan mutu sukan untuk diberi latihan intensif yang lebih lagi. Agak sukar hendak mencapai matlamatnya sekiranya mereka dari golongan yang diperkatakan ini tidak diberi layanan yang memuaskan serta lagi mencukupi. Peruntukan-peruntukan untuk menjagakan mutu sukan perlu disediakan bukan sahaja di bandar-bandar malah di luar bandar juga. Kita berasa tidak kurang juga bakat-bakat sukan dapat dicungkil dari mereka yang ada di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan yang saya fikir boleh menolong menjayakan dan meninggikan mutu sukan kita sekiranya diberi perhatian yang sewajarnya.

Yang pertama, tiap sekolah di luar bandar dan di bandar, perlu dilengkapi dengan gelanggang-gelanggang sepak takraw, badminton, basket ball, netball dan seterusnya.

Yang kedua, lebih banyak lagi gelanggang squash dan tennis perlu didirikan di sekolah-sekolah supaya permainan ini dapat dinikmati oleh ramai murid-murid lagi.

Yang ketiga, penuntut-penuntut yang tidak mampu disebabkan kemiskinan tetapi menunjukkan kepintaran dan kehendalan dalam sukan tertentu sepatutnya diberikan kepada mereka dengan percuma alat-alat sukan yang boleh dipertimbangkan dengan kegemaran mereka seperti tennis, cricket, badminton, racket, kasut lari, hockey stick dan lain-lain lagi.

Yang keempat, banyak lagi stadium bagi kepentingan sukan perlu didirikan untuk meningkatkan lagi mutu sukan di kalangan rakyat. Hari ini terdapat stadium seperti ini ditempatkan di ibu negeri sahaja. Adalah baik didirikan juga stadium-stadium sukan yang sederhana besarnya di tanahair supaya minat sukan itu dapat disediakan kepada semua lapisan rakyat.

Yang kelima, berkebolehan berenang adalah penting kepada kita memandangkan kepada keselamatan nyawa apabila kecelakaan di dalam air. Oleh itu hendaklah di bina lebih banyak lagi kolam-kolam renang di sekolah-sekolah tertentu, di institusi-institusi pelajaran tinggi di tanahair. Kolam-kolam renang di negara kita ini hanya terhad di ibu-ibu negeri sahaja. Dengan adanya banyak lagi kolam-kolam renang dapatlah negara kita menguasai sukan polo air (water polo) selain daripada ilmu berenang yang dipelajari.

Yang keenam, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rakan saya dari Ulu Muda supaya membina beberapa buah lagi stadium-stadium tertutup (indoor Stadium) di tiap-tiap negeri untuk dilengkapi dengan bahagian-bahagian gymnasium, gelanggang-gelanggang badminton, bahagian tinju disediakan punching bag, sarung tangan dan gelanggangnya. Bahagian angkat berat pula dilengkapi dengan alat-alatnya. Begitu juga gelanggang-gelanggang lain yang tidak kurang untuk memajukan sukan lain seperti gelanggang gusti, indoor hockey, alat-alat roman ring, parallel bars, wooden horse dan alat gymnastic.

Yang ketujuh, seminggu sekali iaitu di hujung minggu gelanggang lumba motokar dan motosikal di Batu Tiga Selangor haruslah dikawal supaya memberi peluang kepada pelumba-pelumba kita berlatih di bidang ini. Dengan cara ini dapatlah mereka menjalani latihan tanpa gangguan.

Apabila ahli-ahli sukan yang terdiri daripada olahragawan kita itu sudah dapat membuktikan kesanggupan dan keupayaan mereka di bidang-bidang yang diminati mereka itu dan seharusnya mereka diberi layanan yang istimewa dan saksama oleh pihak berkuasa seperti perbekalan makanan yang istimewa, tempat tidur yang selesa sebelum menjalankan latihan centralised.

Tambang mereka pergi balik perlu diberi percuma juga, dan sewajarnya mereka dapat ditempatkan di kedudukan keretapi di Kelas Dua sekurang-kurangnya mereka seterusnya di beri rawatan percuma bila dirawat di hospital akibat kecederaan yang dialami tatkala menjalankan latihan ataupun pertandingan.

Keutamaan untuk memasuki universiti-universiti atau institusi-institusi pelajaran tinggi seharusnya dipertimbangkan kepada penuntut yang berkelebar dalam bidang kesukanan berdasarkan kelayakan pelajaran masing-masing.

Peserta-peserta sukan yang terdiri daripada kakitangan-kakitangan Kerajaan mahupun swasta perlu diberi cuti tanpa red tape bila mereka tidak dapat menghadiri kerja kerana menyertai latihan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya berlaku kematian kepada jaguh-jaguh sukan kita ini, balu dan anak-anak yang ditinggalkan itu perlu disara oleh pihak Kerajaan untuk mengenangkan jasanya kepada sukan tanahair semasa hayatnya. Sebaiknya, anak-anaknya dipertimbangkan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti kalau berkebolehan.

Sara hidup mereka perlu dibiayai oleh Kerajaan sehingga mereka meningkat ke peringkat umur yang ditentukan. Keselamatan ahli sukan kita terutamanya olahragawati kita yang menyertai sukan antarabangsa perlu mendapat perhatian

sewajarnya dari Kerajaan supaya tidak terjadi seperti tembak menembak yang telah berlaku di negeri Jerman Barat tidak melibatkan diri mereka. Beberapa kemalangan dan tragedi yang boleh mengakibatkan kematian perlu difikir sedalam-dalamnya untuk menghindarkannya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menasabah untuk mendirikan lebih banyak lagi kelab-kelab sukan untuk peminat-peminat sukan bertemu dan bertukar-tukar fikiran. Alat-alat sukan sepatutnya dikesualikan daripada cukai. Ahli-ahli sukan yang sudah benar-benar terbukti kepada negara ini di segi international perlu dipertimbangkan jasa-jasa mereka dengan memberi sagu hati yang seimbang dengan pengorbanan mereka. Ini boleh menggalakkan lebih ramai lagi orang mengambil bahagian di dalam sukan. Mereka yang berkelibar di peringkat antarabangsa yang telah bersara perlu diberi pertimbangan untuk menjawat jawatan sebagai pelatih sukan, atau pegawai sukan di dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya dapat menyumbangkan bakat-bakat tersebut kepada penuntut-penuntut sekolah, kolej, universiti dan sebagainya. Mereka seharusnya diberi elaun atau gaji yang berpatutan sebagai menghargai usaha kita kepada ahli-ahli sukan yang sudah menunjukkan kecemerlangan mereka untuk kejayaan sukan negara adalah baik dipertimbangkan tambahan sports allowance kepada mereka selain daripada wang pencen yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja saya dengan ini mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.47 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmod (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak Menteri yang berkenaan kerana telah membawa Rang Undang-undang ini ke Dewan ini dengan tujuan-tujuan yang baik dan patut diberi pujian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang Majlis Sukan Negara

Malaysia ini saya ingin menyentuh di dalam beberapa perkara.

Kita semua maklum, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sukan adalah salah satu perkara yang boleh dijadikan alat untuk perpaduan negara dan ini telah banyak dipersoal dan disebutkan di dalam Dewan ini dan selain daripada itu rasa saya sukan boleh juga kita gunakan sebagai satu alat untuk memenuhi masa lapang muda mudi kita yang kalau sebaliknya mungkin secara disadari atau tidak disadari akan terlibat dengan perkara-perkara yang tidak diinginkan oleh masyarakat umpamanya soal penagihan dadah yang umum diketahui dan perkara-perkara masksiat yang lain. Tambahan lagi kalau kita ingatkan bahawa sebahagian besar daripada warganegara kita pada hari ini adalah terdiri daripada orang-orang muda. Orang-orang yang bukan sahaja terdiri daripada 35 tahun ke bawah umurnya bahkan juga orang-orang yang terdiri daripada 25 tahun ke bawah bahkan juga tidak kurang juga bilangan orang-orang yang terlindung di dalam umur 12 tahun hingga 20 tahun dan inilah merupakan sebagai satu age group yang patut diperhatikan bukan sahaja dari segi perkembangan masyarakat kita yang akan datang tetapi juga dari segi-segi keselamatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin sukan tidak akan dapat menjadi suatu faktor penghalang yang muktamad, tetapi sudah jelas bahawa sukan boleh menjadi salah satu faktor untuk menghalang perkara-perkara ini daripada menular ataupun kalau sudah ia menular perkara-perkara ini daripada merebak di kalangan anak-anak kita yang masih muda remaja (juvenile). Kalau kita mengingatkan perkara ini maka sudah tentu bercakap soal sukan kita tidak dapat lari daripada aktiviti sekolah, kerana sebahagian besar daripada mereka yang terlibat dengan sukan secara langsung ini ialah mereka yang duduk di bangku sekolah dan apatah lagi kalau kita mengingatkan bahawa ramai daripada rakan-rakan saya di Dewan ini telah menyebut bahawa perlu diberi tekanan yang sewajarnya kepada anak-anak sekolah demi untuk memajukan sukan negara kita pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap sedikit mengenai sukan-sukan di sekolah. Setakat hari ini bahkan sejak lebih

daripada 10 tahun dahulu sekolah-sekolah telah mempunyai satu programnya sendiri di dalam mengaturkan pertandingan, latihan, perkembangan bahkan penilaian sukan di peringkat sekolah-sekolah sama ada dibuat di peringkat kebangsaan melalui Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri masing-masing, bahkan dibuat di peringkat daerah atau jajahan melalui Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah yang berkenaan dan juga kebanyakan tempat di pecahkan lagi kepada zon-zon yang berkenaan dan ada pula semi zon yang terdiri daripada 3—4 buah sekolah, ini terpulang kepada tempat dan keadaan. Usaha-usaha yang dibuat oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah itu perlu diperhatikan sangat oleh Majlis Sukan Negara Malaysia ini kerana melalui anak-anak sekolah inilah maka bakat-bakat akan dapat dicungkil, dan selepas itu akan dapat diasuh dan dipelihara mereka ini sampailah mereka ini ke peringkat yang optimum.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kerana di dalam pindaan Akta ini iaitu Fasal 4.5 (c) telah disebutkan seorang wakil yang dinamakan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan ini adalah satu pertanda baik bahawa pihak Kementerian ini khususnya Menteri berkenaan telah memberi pandangan yang positif terhadap apa yang saya sebutkan tadi. Cuma di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, perlu saya sebutkan bahawa pada masyarakat umumnya masalah sukan di sekolah-sekolah ini kadang-kadang terdapat suatu dilemma kecil walaupun tidak dilemma besar. Pada kebanyakan ibubapa tugas utama anak-anak mereka itu ke sekolah ialah untuk mendapatkan pelajaran dan tidak kurang juga sebahagian lagi yang merasai bahawa selain daripada mendapatkan pelajaran ini anak-anaknya perlu mendapat latihan daripada segi fizikal seperti melalui sukan ataupun didikan jasmani yang ada di sekolah-sekolah. Jadi, soal dilemma yang saya katakan tadi walaupun agak kecil, maka program-program yang dibuat oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah ini hendaklah diperhatikan betul-betul oleh Majlis Sukan Negara ini supaya perkara kesangsian di kalangan setengah-setengah ibubapa ini tidak akan timbul dan berbangkit di masa hadapan.

Saya ingin memberi satu contoh supaya sukan ini dapat benar-benar timbul dan

tumbuh dengan subur, kita galakkan anak-anak kita di sekolah ini daripada awal hingga akhir, kalau dapat, mereka ini hendaklah ceburkan diri mereka ke dalam satu jenis sukan sahaja, specialise dalam satu sukan sahaja sepanjang tahun. Tetapi pada hari ini Majlis Sukan Sekolah-sekolah mengadakan sukan sepanjang tahun, penggal demi penggal sepanjang tahun kecuali musim peperiksaan. Walaupun ada setengah-setengah negeri telah membuat dasar bahawa anak-anak kita hanya dibenar mengambil satu jenis sukan sahaja di dalam satu penggal, tetapi kemungkinan oleh sebab dorongan hendak mengambil kesemua bahagian yang dipertandingkan di sepanjang tahun itu, umpamanya, tiga penggal tidak dapat ditolak, satu kemungkinan bahawa anak-anak kita akan mengambil tiga jenis sukan dalam setahun, kekurangannya dalam dua segi. Yang pertama, soal pengkhususan tadi tidak dapat dicapai. Yang kedua, mungkin juga mengganggu soal-soal utama yang mereka ke sekolah.

Saya sewaktu sekolah dahulu pernah diberi nasihat oleh orang-orang yang mungkin pada masa itu tidak pakar dalam sukan, dia menyatakan kalau awak mahu mengkhususkan diri dalam olahraga maka tinggalkan sekian-sekian sukan. Pada hari ini patut kita khususkan satu sukan sahaja dan setelah kita buat satu pengkhususan ini maka sudah tentu kita akan dapat cengkil daripada pertandingan-pertandingan yang diadakan diberbagai peringkat, kita kumpulkan mereka ini, anak-anak sekolah ini di satu tempat dan berikan mereka ini tempat tinggal yang sesuai iaitu asrama yang kita sudah ada di beberapa tempat di negara ini dan berikan mereka ini satu jadual untuk menjaminkan bahawa selain daripada tujuan untuk menghidup atau menyuburkan sukan di kalangan mereka itu maka kita jangan lupa soal pelajaran juga adalah penting. Jadi kalau anak-anak ini dikumpulkan di dalam sebuah sekolah misalnya semua yang pandai di dalam badminton dikumpulkan dalam sebuah sekolah disebuah negeri, bagi sebuah negeri dikumpul bagi sebuah sekolah dan mereka ini diberi latihan dalam sukan dan di samping itu juga soal-soal akademik tidak kita tinggalkan. Jadi dengan cara ini mungkin kita akan dapat juga melihat lagi Dr Jagathesan selain daripada Dr Jagathesan yang telah ada.

Saya mengambil contoh Dr Jagathesan ini kerana ini adalah satu contoh kejayaan dalam dua segi, kejayaan dalam segi sukan, ini tidak payah saya sebutkan, dan kejayaan dari segi akademik. Dan perkara yang penting lagi anak-anak sekolah mungkin mereka tidak dapat mengawal dari segi kesihatan umpamanya kita perlu regulate masa mereka tidur, kita perlu regulate makanan mereka dan dengan cara yang demikian ini boleh menolong untuk menyuburkan bakat-bakat sukan. Selain daripada itu, rasa saya kalau kita hendak memajukan sukan di sekolah-sekolah maka kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah dari segi sukan ini perlu diperhatikan. Saya tidak payah sebut panjang soal ini, kerana sudah banyak disebut di Dewan yang mulia ini apabila kita membahas Budget tahun demi tahun di bawah Kepala Kementerian Pelajaran. Seterusnya secara amnya untuk memajukan sukan saya ingin meyebut beberapa perkara yang perlu diperhatikan oleh Majlis Sukan Negara ini.

Yang pertama sekali soal kemudahan-kemudahan yang asas (infrastructure) pada sukan, banyak dipersoalkan dan banyak telah disebutkan di dalam Dewan ini. Namun demikian, saya hendak menumpang semangkuk dalam masalah ini dengan menyebut beberapa perkara. Perkara yang pertama dalam soal ini ialah alat-alat, alat-alat ini saya masukkan sama dengan gelanggang atau padang.

Biarlah sekarang kita lebih serius bahawa kemajuan sukan, bola sepak umpamanya, adalah bergantung kuat dengan adanya satu padang yang elok dan kalau kita mempercayai hakikat ini maka apakah salahnya pihak Kementerian atau pihak Majlis Sukan ini dengan kerjasama pihak-pihak yang berkuasa tempatan, sekarang ini Majlis-majlis Daerah yang sudah tentu boss atau taukehnya ialah Kerajaan-kerajaan Negeri kita earmark, kita cari tempat-tempat yang hendak dijadikan padang-padang permainannya oleh sebab bola sepak atau football ini merupakan satu permainan yang begitu disukai ramai. Saya rasa tidak menjadi keberatan buat permulaan ini kita tentukan padang-padang bola ini, bukan diadakan pada tiap-tiap daerah sahaja sepertimana pernah disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi dan dua hari yang lepas tetapi

hendaklah tiap-tiap kampung, tidak mungkin di Kuala Lumpur perkara ini dapat dibuat, tidak mungkin di bandar-bandar besar perkara ini dapat dibuat kerana dari segi kesuntukan atau kekurangan tanah tapak untuk dijadikan tapak atau padang bola ini. Tetapi kepada kampung-kampung yang masih lagi belum maju sebagaimana bandar-bandar saya rasa soal tapak ini kalau benar-benar dirundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan boleh diatasi soal ini, sekurang-kurangnya kita boleh pakai untuk dua perkara bola sepak dan hoki dan selepas itu kalau agak luas sedikit bolehlah ditumpang sedikit dengan gelanggang bola tamparnya, gelanggang bola tampar boleh disamakan juga dengan gelanggang netballnya dan mungkin kalau luas sedikit kita masukkan gelanggang badminton dan bersama dengan gelanggang sepak takraw.

Seterusnya dalam segi peralatan ini kita hendaklah mempunyai peralatan yang lengkap selain daripada padang. Peralatan ini terlalu banyak, tak boleh saya sebutkan di sini, saya rasa memadai untuk rekod iaitu peralatan-peralatan untuk sukan-sukan yang berkenaan itu hendaklah cukup. Kita tidak boleh mengharapkan bahawa kalau anak-anak kita disuruh main hoki, kayu hoki yang dimain itu sub-standard atau kayu yang tidak boleh bermain kerana saya dapati perkara ini adalah mustahak diperhatikan, bukan sahaja di peringkat-peringkat negeri bahkan juga di peringkat daerah, mukim dan kampung.

Seterusnya soal latihan. Sesuatu sukan yang hendak dimajukan itu perlu mempunyai latihan yang baik. Ini dibuktikan daripada susunan-susunan yang telah direncanakan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Tiap-tiap jenis sukan itu diadakan pasukan jurulatihnya dan latihan ini saya berharap supaya Majlis Sukan Negara yang akan ditubuhkan ini setelah dipinda nanti akan meletakkan urusan latihan ini bukan lagi kepada badan-badan sukan sama ada di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat negeri atau sebagainya tetapi ia hendaklah dipegang tanggungjawabnya 100% oleh Majlis Sukan atau Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sendiri kerana banyak keperluannya dari segi Kementerian sendiri, umpamanya segi kewangan, cuti dan sebagainya. Kita tidak boleh mengharapkan

satu badan sukarela untuk mempunyai pengaruh yang kuat untuk mengatasi soal sukan dan cuti orang-orang yang berkenaan umpamanya, banyak lagi perkara lain tetapi memadai dua aspek ini sahajalah.

Kita pernah juga mendengar bahawa sesuatu sukan itu dapat maju dan berkembang dengan baik melalui pertandingan yang sihat dan ini boleh dijamin kalau adanya pasukan referee ataupun pengadil-pengadil yang cukup. Saya hendak memberi contoh sekali lagi dalam soal bola sepak. Saya sendiri pada masa ini di peringkat saya di sebuah jajahan yang kecil di Kelantan mengadakan satu pertandingan bola lega yang akan mengambil masa 77 kali pertandingan. Cuba Tuan Yang di-Pertua fikirkan 77 kali pertandingan tiga kali 77 kali main hours referee berkenaan. Jadi kalau kita tidak mempunyai satu pasukan referee yang cukup terlatih, matang, bertanggungjawab dan dedikasi kepada profession sesuatu permainan itu maka kita akan hadapi masalah. Alhamdulillah, apa yang kami buat itu tidak menghadapi masalah kerana Persatuan Bola Sepak Kelantan mempunyai cukup referee, hatta kepada satu jajahan yang kecil sekalipun. Jadi soal pengadil-pengadil ini hendaklah dititikberatkan juga.

Sudah tentu soal yang pentingnya dalam soal pengadil ataupun soal jurulatih saya rasa sudah sampai masanya kita mengadakan professional referee atau professional coaches, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya bahawa pada setengah orang apa yang kita buat sekarang ini mungkin dianggapkan sebagai semi professional kerana mereka ini apabila kita jemput untuk mengadili sesuatu pertandingan kita beri saguhati sedikit. Saya rasa ini bukan satu perkara yang dapat dianggapkan sebagai one-quarter professional pun tidak boleh. Jadi saya harap perkara ini hendaklah kita banyakkkan pengadil-pengadil di peringkat ini supaya mereka dapat menumpukan perhatian yang lebih kepada soal ini sahaja dan juga termasuk dalam kemudahan ini perkara yang akhirnya ialah soal kewangan. Rasa saya kalau setakat \$300,000 setahun untuk latihan memang tidak cukup umpamanya, mana hendak dihantar pasukan hokinya, mana hendak dihantar pasukan bolanya, apatah lagi pasukan badminton, jadi soal kewangan ini adalah penting.

Berhubung dengan soal kewangan ini saya ingin menyentuh satu perkara lain iaitu kita hendaklah menentukan sikap dalam masalah sukan ini, adakah kita hendak mengambil bahagian dalam sukan ini kerana benar-benar hendak kemenangan, ini mungkin telah disebutkan tetapi saya hendak sebutkan lagi di sini bahawa kewangan ini hanya dapat ditentukan dalam masalah sukan ini yang mana kita hendak? Adakah semua jenis sukan yang kita dapati bermain dan bertanding di peringkat kebangsaan atau antarabangsa itu kita perlu tiap-tiap satunya mencapai ke peringkat kemenangan—Utopia kita—ataupun kita dengan senyap-senyap tak payah beritahu kepada badan-badan kebangsaan itu kalau beritahu dia marah pula, yang ini kelas A, buatlah dasar senyap-senyap, yang ini kita main dari segi diplomatic relationship, ini kerana kalau tak pergi tak boleh, ini dari segi ini tetapi mesti kita tegaskan bahawa mesti ada sukan-sukan yang perlu kita buat pada peringkat hendak menang, pernah disebut badminton dan hoki, boleh jadi oleh sebab badminton kita pernah jadi champion dan hoki kita dekat-dekat dan pernah disebut juga oleh saudara saya Yang Berhormat dari Sepang pada hari pertama kelmarin, iaitu 'angkat berat' dan 'tinju'.

Soal yang dipentingkan oleh saya di sini, Tuan Yang di-Pertua, bukan yang mana hendak ditinggalkan, yang mana hendak diketengahkan tetapi kita hendaklah membuat satu priority, tidak semua priority, tidak jadi. Kalau semua hendak diprioritykan maka kenalah gandakan wang ini berpuluh-puluh kali ganda lagi, yang sekarang saya rasa kalau kita pilih dua tiga pun dengan wang yang ada hari ini tidak cukup.

Seterusnya saya minta juga dalam masalah sukan ini supaya tidak timbul soal-soal cuti, tidak timbul soal-soal orang yang dipanggil untuk buat latihan pusat tidak datang atau datang lewat dan sebagainya, maka hendaklah diwujudkan satu suasana di mana adanya perasaan benar-benar tanggungjawab dan kerjasama di kalangan semua badan-badan yang terlibat, bukan terlibat dengan permainan secara langsung, terlibat di mana pemain-pemain mereka akan atau kemungkinan mewakili negara ini di dalam sukan-sukan yang tertentu. Jadi kalau sekiranya tidak ada kerjasama daripada pihak-pihak ini maka sedikit sebanyak

kekecohan kecil mungkin berlaku walaupun tidak kekecohan besar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pindaan ini sebenarnya iaitu mengenai perkara 5—Ahli-ahli Majlis. Saya berharap bahawa takrif Menteri di dalam seksyen 5 (2) iaitu:

“5 (2) Menteri hendaklah menjadi Pengerusi Majlis.”

Saya berharap bahawa Menteri juga termasuk Timbalan Menteri dan kalau boleh Setiausaha Parlimen dari segi-segi pentadbiran dan kepentingan-kepentingan yang tertentu—tidak payah saya sebutkan dengan panjang lebar, Menteri hendaklah juga dimasukkan kalau dapat Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan sekiranya dua-dua jawatan ini masih wujud.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar keraguan juga daripada Dewan ini dua hari yang lepas ataupun pada hari yang pertama iaitu daripada 5 (3) (a):

“5 (3) (a) seorang wakil yang dinamakan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan oleh tiap-tiap satu Majlis Sukan Negeri.” Ini mungkin terlantik orang-orang yang tidak kena pada tempatnya. Saya harap dan saya doakan perkara ini insya Allah tidak akan berlaku dan sekiranya perkara ini ada main-main silap mata untuk tujuan-tujuan yang tertentu, mintalah Menteri yang berkenaan secara senyap-senyap mintalah orang-orang daripada negeri atau ketua daripada Wilayah Persekutuan itu tukarkan kepada personalities-personalities yang lebih, yang pertama mempunyai pengalaman dalam sukan dan yang paling penting kecenderungan di dalam sukan. Ini tidak perlu diheboh-hebohkan dan saya yakin dan percaya bahawa tiap-tiap Negeri itu termasuk Wilayah Persekutuan mempunyai orang-orang yang cukup seorang sahaja untuk dihantar ke dalam Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu juga kita lihat kepada 5 (3) (c):

“5 (3) (c) seorang wakil yang dinamakan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia.”

Saya tidak tahu sama ada perlu atau tidak dilantik seorang lagi atau dua orang lagi walaupun tidak di bawah 5 (3) (c) mungkin

juga di bawah 5 (3)(d) yang perlintikannya di atas kuasa Menteri sendiri. Yang penting pada saya memandangkan bangunan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia ini merupakan the breeding ground, tempat tumpuan bakat-bakat sukan ini maka perlulah kita beri tekanan yang agak lebih sedikit kepada MSSM—Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia ini dengan memberi representation yang agak lebih sedikit daripada seorang yang diperuntukkan daripada pindaan Akta ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, supaya segala-segala hasrat pihak Menteri, Kementerian, Kerajaan dan juga kami daripada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dapat berjalan dengan baik dan ditentukan bahawa perkara ini akan terus berjalan dengan lancar, maka saya ingin mencadangkan supaya pihak Majlis Sukan Negara ini ataupun pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sendiri menubuhkan satu badan iaitu Badan Penyelidikan dan Penilaian Sukan dan badan ini umpamanya boleh dianggotai oleh orang-orang yang pakar dalam segala-segala sukan.

Misalnya seorang daripada hockey, orang ini memang pakar—bukannya pemain, Tuan Yang di-Pertua, tetapi orang yang tahu dari segi hockey misalnya kalau peringkat Persatuan Hockey Malaysia kalau ada jawatan ini, umpamanya jawatan Pengerusi Teknik Hockey, Pengerusi Teknik Hockey masukkan di situ; seterusnya kita pilih daripada badan-badan yang lain supaya menganggotai Badan Penyelidikan dan Penilaian Sukan. Di bawah badan ini dibuat satu Jawatankuasa Teknik bagi tiap-tiap sukan yang kita pertandingkan, sama ada di pertandingkan di peringkat Kebangsaan mahupun antarabangsa dan badan ini akan bertanggungjawab antara lain ialah untuk membuat kajian tentang segala-gala mengenai sukan, facilitiesnya dan dari segi pemainnya dan selepas itu setelah diadakan pertandingan-pertandingan misalnya BAM setelah bertanding dengan Indonesia atau India yang sekian-sekian resultnya dan hasil daripada pertandingan itu dibawa kepada Badan Penyelidikan dan Penilaian Sukan ini untuk dinilai dan hasil daripada penilaian ini boleh kita gunakan untuk kita adakan rancangan lima tahun, sepuluh tahun atau sebagainya. Jadi saya harap dengan pandangan-pandangan yang saya sebutkan tadi moga-moga sukan kita akan lebih maju

lagi pada masa hadapan, bukan sahaja sukan untuk kemenangan tetapi juga sukan untuk negara sesuai dengan cogan kata kita sukan untuk memajukan negara kita bukan sahaja di peringkat negara kita sendiri tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.17 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini menyokong usul untuk meminda Akta Majlis Sukan Negara Malaysia, 1971 ini. Di samping itu saya suka megemukakan tiga perkara iaitu:

- (1) Kuasa dan pentadbiran;
- (2) Latihan,
- (3) Kewangan.

Yang pertama, berhubung dengan kuasa dan pentadbiran daripada peringkat Kementerian hinggalah ke peringkat pegawai-pegawai yang ditempatkan di tiap-tiap daerah dalam negara ini tiada mempunyai kuasa yang jelas bagi mengatur rancangan dan melaksanakan kegiatan sukan melainkan kegiatan-kegiatan sukan itu dikendalikan oleh Majlis-majlis Sukan yang lebih merupakan badan sukarela sahaja. Oleh itu pihak-pihak yang menguasai individu ahli-ahli sukan kita tidak memandang berat dan tidak memberikan kemudahan yang secukupnya kepada ahli-ahli sukan tersebut. Mereka berpendapat badan-badan sukan ini tidak mempunyai apa-apa kuasa yang boleh membuat sebarang tindakan terhadap mereka. Mereka yang saya maksudkan ialah majikan-majikan kepada ahli-ahli sukan atau sebahagian daripada ahli-ahli sukan kita.

Kemudahan yang dimaksudkan termasuklah untuk mendapatkan cuti dan keutamaan-keutamaan kenaikan pangkat dan lain-lain kemudahan. Di tiap-tiap kampung, daerah dan negeri kita terdapat banyak kemudahan-kemudahan sukan yang telahpun disediakan iaitu gelanggang-gelanggang dan padang-padang permainan bola sepak, badminton, sepak takraw, tennis dan ada

banyak daerah pula yang dilengkapkan dengan kompleks-kompleks sukan tetapi banyak pegawai-pegawai daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tiada mempunyai apa-apa kuasa dalam hal pentadbiran dan penggunaan kemudahan-kemudahan sukan tersebut melainkan kemudahan-kemudahan itu dikuasai oleh berbagai-bagai pihak. Ada yang di bawah bidang kuasa Majlis-majlis Daerah dan ada pula yang dikuasai oleh lain-lain pihak.

Saya sukacita mengesyorkan supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat memikirkan satu Jabatan yang akan dibentuk iaitu Jabatan Sukan. Dengan itu pegawai-pegawai Jabatan ini dapat mentadbirkan segala bahan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan dengan satu bentuk pentadbiran yang bertanggungjawab dan kemudahan-kemudahan itu dapat dikawal dengan rapi dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Pegawai-pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan di peringkat daerah dan negeri tidak tahu berapa banyak gelanggang badminton, gelanggang sepak takraw, gelanggang tennis, padang bola sama ada yang sempurna atau yang tidak sempurna di daerah mereka ataupun di negeri mereka kerana perkara tersebut di luar bidang kuasa mereka dan tidak ada kena mengena langsung dengan tugas mereka.

Dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, apabila satu-satu kegiatan sukan di peringkat daerah hendak dilaksanakan, pegawai-pegawai yang berhubung dengan ini tidak dapat memberi sumbangan dalam mengaturcara rancangan sukan di daerah atau di negeri. Apabila pegawai-pegawai yang khusus mengendalikan hal-hal sukan di tiap-tiap daerah dan negeri itu ada kuasa untuk mentadbirkan segala kemudahan sukan tentulah mereka dapat meneliti di mana yang kurang, di mana yang belum cukup dan bagaimana tindakan yang patut dibuat untuk menyempurnakan dari masa ke semasa.

Pada masa ini gelanggang-gelanggang permainan dan sukan yang dibuat oleh Kerajaan di kampung-kampung dan di daerah-daerah itu banyak yang terbiar dan perhatian hanya diberikan oleh orang ramai yang tidak mempunyai apa-apa kuasa dan

merekalah yang merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk diperbaiki dari semasa ke semasa dan tidak pula ada satu-satu pihak tertentu yang bertanggungjawab dalam masalah ini.

Yang kedua, berhubung dengan latihan ahli-ahli sukan negara kita ini tiada satu sistem yang teratur di peringkat asas kerana kanak-kanak yang dilatih di sekolah-sekolah rendah hanya merupakan latihan tenaga asas sahaja sebab tiada satu pembentukan unsur sukan yang membolehkan mereka bakal dilatih menjadi ahli sukan negara yang beraraf tinggi sehingga boleh diistilahkan iaitu "sukan untuk negara", tetapi dalam Rang Undang-undang Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan) 1979 ini ada dimasukkan wakil daripada Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Dengan adanya wakil Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia menjadi Ahli Jawatankuasa dalam Majlis Sukan Negara adalah diharapkan pimpinan di peringkat asas iaitu dari peringkat kanak-kanak sekolah rendah lagi akan dapat dibentuk dengan cara bermutu. Mudah-mudahan hasil daripada pimpinan daya usaha Majlis Sukan Negara ini betul-betul dapat dilaksanakan daripada peringkat permulaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga ialah kewangan. Kewangan adalah satu masalah besar yang dihadapi oleh semua badan sukan di negara kita ini, kebanyakan badan-badan sukan di berbagai peringkat tidak dapat berjalan dengan lancar kerana kekurangan kewangan masing-masing. Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia misalnya adalah juga sebuah badan sukan yang mengelolakan kegiatan sukan dengan aktif daripada peringkat kanak-kanak sehinggalah ke peringkat belia. Sumber kewangan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia ini di antaranya ialah hasil daripada wakaf sukan dan sedikit unsur yang lain. Saya percaya Majlis Sukan Negara akan dapat membantu segala rupa bantuan kepada Majlis Sukan Sekolah-sekolah termasuk soal kewangan. Dengan itu mudahlah pegawai dan jawatankuasa Majlis Sukan Sekolah-sekolah di setiap peringkat mengadakan aktiviti sukan mereka dan tidaklah lagi bersusah payah seperti hari ini untuk mengadakan kerja bagi memungut berbagai rupa derma untuk menampung perbelanjaan bagi menggiatkan aktiviti sukan

mereka. Kita semua sedar bahawa Majlis Sukan Sekolah-sekolah adalah menjadi tempat asas bagi mengasah bakat untuk bakal ahli sukan negara. Majlis Sukan Negara pula tentulah menghadapi kesulitan kewangan juga. Jika tiada sumber kewangan yang tertentu. Oleh itu, saya menyokong penuh pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang meminta supaya Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dapat menyediakan satu peruntukan yang cukup bagi mengendalikan hal-hal sukan negara.

Kita sedia maklum sukan kini telah menjadi satu perkara yang penting dalam negara ini. Misalnya, kalau pasukan sukan di negara kita bertanding dengan pasukan sukan di negara lain, semua rakyat di negara ini tertunggu-tunggu keputusan pertandingan tersebut. Ini bererti semua rakyat simpati dengan pasukan sukan negara kita di setiap pertandingan di peringkat antarabangsa. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, jika satu peruntukan dikemukakan di Dewan yang mulia ini saya penuh yakin dan percaya sokongan sepenuhnya akan diberikan untuk diluluskan kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan demi kepentingan sukan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Majlis Sukan Negara, Malaysia, 1971 ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.25 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Akta Majlis Sukan Negara Malaysia, 1971. Dengan adanya Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kelulusan nanti maka dapatlah kita menentukan kehandalan ahli-ahli sukan di negara kita ini yang mempunyai potensi yang begitu baik, cuma ahli-ahli sukan kita berharap supaya mereka diberi penghargaan, galakan dan kebajikan yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, kerana yang sudah-sudah ahli-ahli sukan kita tidak dipedulikan langsung. Apabila mereka berjaya memasuki peringkat negeri, kebangsaan dan peringkat antarabangsa, beberapa tahun kemudian dibiarkan walaupun badan mereka sihat

untuk bermain sukan di dalam berbagai bidang tetapi apabila umur mereka telah lanjut mereka dibiarkan gemuk gedempol tak boleh bermain lagi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyokong penuh Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta ini untuk membesarkan keanggotaan Majlis Sukan Negara Malaysia supaya termasuk wakil-wakil dari Majlis Olimpik Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Berkenaan Majlis Sukan-sukan Sekolah-sekolah beberapa Ahli telah menekankan pentingnya, kerana dari sinilah lahirnya ahli sukan negara kita di masa akan datang. Mereka ini hendaklah kita beri keistimewaan sebagaimana yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar tadi iaitu diberi peluang kepada mereka menaiki Keretapi 2nd Class ataupun Ist Class, diberi peluang kepada mereka melalui Majlis Sukan Negara supaya mereka mendapat rawatan-rawatan istimewa di hospital, dan tidak dibiarkan begitu sahaja. Saya mendapat tahu dan difahamkan oleh ahli-ahli sukan kita merungut kalau dibandingkan dengan negara-negara lain ahli-ahli sukan mereka dilayan dengan sepenuh minat supaya mereka mengagungkan negara mereka dalam sukan, tetapi negara kita ini seolah-olah hanya mengambil madu dan sepanya dibuang. Kebanyakannya begitulah rungutan ahli-ahli sukan di negara kita ini. Yang pertama sekali saya berpendapat memberikan layanan kebajikan yang sungguh-sungguh sehingga ke akhir hayat mereka supaya datang perasaan cintakan sukan untuk negara. Inilah satu keadaan keistimewaan yang boleh diterima oleh ahli-ahli sukan.

Yang kedua, sukan ini adalah memberi nama negara kita begitu harum di dunia. Kalau kita hendak mengharumkan negara kita di mata dunia terutama sekali melalui sukan, kerana kesukaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya di negara-negara yang telah maju pihak Kerajaan memelihara ahli-ahli sukannya dengan cara professional. Kuda lumba yang ada di negara kita mendapat layanan begitu baik dengan doktor kalau urat saraf tergeliat sedikit. Ahli-ahli sukan kita dibiarkan begitu sahaja. Kalau tergeliat, kita cari orang lain. Itu kita tak mahu, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, pemenang-pemenang sukan itu diberi hadiah yang begitu istimewa sama ada di hantar ke luar negeri ataupun diberi alat-alat sukan. Mengikut pengalaman yang sudah-sudah ahli-ahli sukan kita apabila hendak bermain minta sedekah kepada pegawai-pegawai badan sukan dan sebagainya barulah dapat pergi ke luar negeri kerana ahli-ahli sukan kita orang yang tidak berkemampuan.

Selain daripada itu orang-orang kita di negara kita ini, orang-orang Islam khas terlampau cemburu berkenaan dengan cium ini. Menjauhkan penyertaan anak-anak pak lebai, anak-anak pak haji dicium oleh orang, katanya:jangan main sukan, kalau menang awak kena cium nanti! Ini satu perkara yang kita hendak jaga sungguh-sungguh. Ini bukannya untuk hadiah cium. Ciuman pantang sangat kepada orang Melayu dan bergemalah di majlis-majlis agama Islam di negara kita ini. Oleh itu saya beritahulah kepada Kementerian yang berkenaan supaya menasihati penganjur-penganjur ataupun Jawatankuasa Sukan Negara kita ini, jangan mencium; yang dicium itu kalau lelaki tak apa, boleh tahan; ini orang perempuan (*Ketawa*), jadi hendak cari peluang pula di situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak bersetuju dengan pendapat dua orang Ahli Pembangkang, seorang Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan membina bangsa tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur pula menuntut mendapat kejayaan. Nampaknya Ahli-ahli Pembangkang kita semasa sendiri pun sudah tidak betul, mereka hampir-hampir menyokong Kerajaan dalam semua bentuk tetapi antara mereka ada yang bertelagah.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang, Tuan Yang di-Pertua, saya pun berhasrat hendak bercakap sedikit. Saya sangat menyokong Rang Undang-undang ini dan diminta kepada Kementerian ini menyediakan peruntukan yang begitu besar untuk sukan ini supaya Dewan yang mulia ini meluluskan bagi kepentingan negara kita untuk perpaduan dan daripada badan yang sihat itu datangnya daripada ahli sukan yang baik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

5.32 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Majlis Sukan Negara Malaysia 1979. Saya turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah mengemukakan Rang Undang-undang ini. Saya percaya dengan adanya pindaan ini tentulah akan dapat lebih lagi memuaskan tindakan-tindakan bagi meninggikan mutu sukan di negara kita. Jika dikaji dengan adil sebenarnya sukan di negara kita pada keseluruhannya tidaklah mengecewakan sangat, banyak kemajuan telah dicapai sekurang-kurangnya mengenai penglibatan rakyat khususnya belia-belia terhadap sukan, dan semua orang maklum bahawa salah satu tujuan sukan ialah untuk kesihatan. Cuma yang kita rasakan ialah oleh kerana ahli-ahli sukan kita itu tidak dapat menang dalam pertandingan antarabangsa.

Sebenarnya untuk kejayaan tersebut, banyak menghadapi masalah terutama wanglah yang menjadi masalah, kerana semua adalah berkehendakkan wang, umpamanya alat-alat mahu wang, kemudahan-kemudahan pun mahu wang, orang berlatih mahu wang, jurulatih mahu wang, semua berkehendakkan wang. Oleh kerana itu sudahlah menjadi tanggungjawabnya pada masa akan datang bagi Majlis Sukan Negara ini atau badan-badan yang bergabung yang di bawah naungannya terpaksa bekerja keras mencari wang, mengumpul wang dari apa yang disebut dalam Rang Undang-undang ini wang akan diterima daripada perseorangan, daripada syarikat, daripada yayasan-yayasan dan lain-lain. Saya percaya semua derma ini akan boleh didapati apabila diuruskan dengan sempurna tambahan pula jika dapat ditolak daripada cukai pendapatan. Ini adalah kerana memandangkan kemajuan ekonomi negara kita. Tetapi walau bagaimanapun kita tidaklah seharusnya bergantung kepada derma sahaja, Kerajaan sendiri hendaklah membuat peruntukan yang lebih besar pada masa yang akan datang untuk kemajuan sukan ini.

Pada tahun ini peruntukan untuk sukan ini kita dapati adalah sangat rendah. Saya syorkan dalam Dewan ini patutlah Kerajaan pada masa yang akan datang dapat mendirikan satu kompleks sukan yang lengkap

dengan asrama, surau, kantin dan lain-lain dalam satu kawasan yang luas. Dalam kompleks sukan itu boleh diadakan lapangan segala jenis permainan seperti tenis, badminton, basketball, bola tampar, bola jaring, kolam renang, sasaran menembak dan lain-lain lagi. Dan bolehlah juga kompleks itu akan ditempatkan bila tiba masanya untuk latihan kepada ahli-ahli professional kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut difikirkan bahawa ahli-ahli sukan kita ini kebanyakannya adalah terdiri daripada ahli-ahli sukan sambilan, ahli-ahli daripada pasukan amatur yang bekerja sebagai polis, ada yang bekerja sebagai guru, ada yang bekerja dengan swasta dan ada yang tidak bekerja; jadi sukan ini adalah satu sambilan sahaja. Saya berpendapat dengan adanya sukan sambilan ini susahlah hendak dapat kejayaan dalam bidang pertandingan antarabangsa. Pada pendapat saya dan juga pendapat beberapa orang daripada ahli Yang Berhormat, sudahlah sampai masanya supaya negara kita ini mengadakan ahli-ahli sukan professional. Untuk mencapai kejayaan bagi memenangi pertandingan antarabangsa. Dalam satu rancangan jangka pendek, saya suka mengesyorkan patutlah kita menghantar regu-regu sukan kita ini berlatih di luar negeri, bukanlah semua regu sukan mesti berlatih di luar negeri, pilihlah mana-mana yang sesuai dan timbang kemampuan kewangan kita. Umpamanya, kita boleh hantar regu basketball dan regu renang ke Amerika, regu bola ke England, regu tennis ke Australia, regu menembak ke Jerman Barat atau lain-lain. Mereka boleh berlatih secukupnya setahun, dua tahun dan bila mereka balik nanti boleh mewakili Malaysia di sukan antarabangsa. Bila mereka sudah tua dan tidak boleh lagi bertanding bolehlah pula mereka menjadi pelatih ataupun pengajar, jurulatih kepada bakat-bakat baharu. Saya tahu perkara ini ada dilaksanakan oleh beberapa buah negara, tetapi janganlah kita hantar pula regu-regu pelatih kita itu berlatih ke negerinegeri yang kita hendak lawan, umpamanya kalau badminton ke Indonesia atau hockey ke Pakistan. Kalau ini keadaannya tentulah mereka barangkali mungkin tidak beri kita cukup tektik untuk menang. Semua ini adalah berkehendakan wang tetapi kalau betul hendak meninggikan mutu sukan langkah-langkah yang tegas perlulah diambil.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Selain daripada itu yang penting juga dalam sukan ialah disiplin dan rasa pengabdian kepada negara, ini adalah supaya sesuai dengan tujuan "sukan untuk negara". Oleh itu, ahli-ahli sukan kita hendaklah ditanamkan rasa semangat kebangsaan yang sepenuhnya supaya mereka berasa bila ia bertanding akan mencuba seberapa daya upaya untuk menang kerana negara. Janganlah hendaknya kita ulang-ulangi motto sukan kita yang lalu iaitu mengatakan: "Yang penting dalam sukan ialah mengambil bahagian bukan kemenangan". Ini yang sebenarnya ialah motto sukan lama, falsafah barat yang ditonjolkan kepada kita supaya kita sentiasa berpuas hati dan tidak payah menang.

Sekarang kalau kita hendak maju dalam sukan, cogankata kita terpaksa diubah iaitu "yang penting dalam sukan ialah kemenangan" tetapi dengan semangat kesukanan. Maknanya kalau menang janganlah suka sangat dan kalau kalahpun janganlah menangis.

Saya mengesyorkan dalam Majlis yang mulia ini supaya Majlis Sukan Negara kita yang akan datang ini dapat mengadakan satu pesta sukan nasional pada tiap-tiap tahun atau empat tahun sekali secara besar-besaran dan hendaklah dijadikan pesta itu satu sambutan kebangsaan yang perlu disambut dengan meriah, dan dengan adanya pesta sukan nasional itu diadakan akan dapat kita mengcungkil bakat-bakat baharu dan juga dapat menyimpan rekod kemajuan sukan dengan lebih teratur bahkan boleh menaikkan juga imej negara kita di dunia luar, walaupun sukan di dalam negara kita sendiri.

Akhirnya, memanglah akan disusun semula keanggotaan Majlis Sukan Negara kita, tetapi bukan sahaja di peringkat kebangsaan akan tetapi di peringkat daerah pun patutlah dapat pertimbangan yang sehalus-halusnya, umpamanya di peringkat daerah ada Pegawai Belia dan Sukan, maka patutlah Pegawai Belia dan Sukan ini mengambil daya usaha yang lebih daripada pegawai-pegawai lain atau orang lain untuk memajukan sukan dalam daerah dan barangkali jawatan yang sesuai bagi mereka ialah setiausaha sukan daerah

dan pengerusinya bolehlah Pegawai Daerah atau orang lain. Begitu juga di peringkat negeri setiausaha ini patut jugalah dipegang oleh Pegawai Belia dan Sukan Negeri kerana mengikut pengalaman jika diberi kepada orang lain kerja akan selalu tergendala dan kurang diambil berat oleh kerana semata-mata bergantung kepada kecenderungan. Bila tiba kepada orang yang cenderung atau pada pegawai yang cenderung dalam sukan, maka sukan dalam daerah atau dalam negeri itu berjaya dan maju, tetapi bila pegawai berhenti atau bertukar dan diganti dengan orang lain maka sukan-sukan dalam daerah dan mungkin juga dalam negeri akan menjadi terganggu, malah malap dan lembab. Oleh kerana itu saya berharap Majlis Sukan Negara dapat bukan sahaja mengawasi di peringkat kebangsaan tetapi juga mengawasi susunan pegawai-pegawai dan pentadbiran sukan di peringkat negeri dan daerah.

Sekianlah sahaja dan pada akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang Majlis Sukan Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Grik. Saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab di antara 6.10 dengan 6.15 petang. Sila.

5.43 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Grik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain untuk menyokong Akta Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan) 1971.

Dalam menyokong usul ini saya sukalah menarik perhatian kepada hujah-hujah yang telah diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Semasa membahaskan usul ini Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengutarakan dua pepatah Tionghua yang mana bolehlah kita sifatkan bermakna bahawa sukan dan kesihatan itu boleh dikaitkai. Dalam menganalisa berkenaan dengan sukan dan kesihatan ini Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mengatakan bahawa di masa-masa yang kebelakangan ini mutu ataupun taraf sukan di negara kita telah merosot. Dengan ini bermaknalah pula bahawa tingkat ataupun taraf kesihatan di negara kita ini telah merosot.

Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa kita juga ada Pepatah Melayu yang mengatakan bahawa fikiran yang waras itu berada di dalam badan yang sihat. Ini memang diakui tetapi bukanlah bermakna bahawa seseorang atau jika seseorang itu boleh memenangi kejohanan ataupun menjadi johan, maka bermaknalah pula bahawa negaranya itu adalah negara yang paling sihat. Jikalau kita ambil contoh ini maka bermaknalah bahawa negara Kenya lebih sihat daripada negara Amerika, negara Ethiopia lebih sihat daripada negara Australia dan sebagainya, kerana kita tahu pelari-pelari lumba jarak jauh datangnya daripada negara Ethiopia dan Kenya dan kita juga tahu bahawa hari ini apabila Indonesia mengalahkan Denmark dan juga negara-negara lain yang lebih maju daripada Indonesia sendiri bukanlah bermakna bahawa Indonesia mempunyai kesihatan yang lebih daripada Denmark, tetapi apa yang ada kepada Indonesia ialah minat. Minat badminton yang ada di Indonesia lebih daripada minat badminton yang ada di Denmark sendiri dan kalau kita fikirkan berkenaan hockey, kita akan dapati bahawa minat hockey ini yang ada di India dan Pakistan melebihi minat permainan-permainan lain yang ada di negara itu dan kalau kita ambil pula di negara kita, kita dapati bahawa di akhir-akhir ini minat sukan yang ada di negara kita agak berkurangan.

Misalnya, kalau dahulu apabila pasukan badminton kita balik daripada London dan sebagainya mereka akan disambut secara besar-besaran di lapangan terbang; pada masa itu bukan di Subang tetapi di lapangan terbang kita yang lama, tetapi di akhir-akhir ini oleh kerana pergolakan politik yang ada di negara kita, mungkin juga pergolakan politik yang diapi-apikan oleh sebahagian parti-parti politik yang ada di negara kita ini, maka keadaan politik di negara kita telah bergolak, dan hari ini peminat-peminat sukan kita, peminat-peminat atau pemain-pemain sukan kita juga telah menjadi berpuak-puak misalnya kalau Malaysia menang badminton maka tidak kesemua sekali rakyat Malaysia bersuka hati.

Jikalau misalnya Malaysia menang dalam sepak takraw ini tidak bermakna kesemua sekali rakyat kita akan berpuas hati dan sebagainya. Ini dapat kita lihat apabila kita

ada pertandingan-pertandingan dengan jiran-jiran kita daripada luar negeri, misalnya, pertandingan hockey dengan India, pertandingan bola dengan Hong Kong, pertandingan bola dengan Singapura dan sebagainya, kita dapati kadang-kala peminat-peminat sukan kita apabila menyokong satu-satu pasukan itu mereka menyokong berpuak-puak, berkaum-kaum dan sebagainya. Jadi oleh sebab itu, saya suka mencadangkan supaya bukan sahaja kita meminta supaya Kerajaan memainkan peranan, tetapi saya berharap dan menyeru supaya rakyat Malaysia sendiri mengubah sikap mereka, mengubah cara dan minat mereka berkenaan dengan sukan. Janganlah misalnya kita sokong sukan itu kerana kita sokong satu puak atau satu kaum ataupun satu negeri. Marilah kita sokong sukan kerana sukan dan bukan menyokong sukan kerana kaum kita banyak main sukan itu dan sukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita mencungkil bakat-bakat ini, saya suka menarik perhatian Kementerian berkenaan dengan cara-cara yang telah dibuat oleh negara-negara Kenya dan Ethiopia.

Kita tahu dan kita sedar negara-negara ini juga adalah negara yang sedang membangun, malah lebih malap ekonominya daripada Malaysia, tetapi dalam lumba lari jarak jauh negara-negara ini telah dapat mengatasi rekod-rekod lain yang diperolehi di negara-negara lain. Negara-negara ini telah dapat mencapai satu kejayaan yang cemerlang. Jadi, saya berharap jugalah kepada Kementerian ini bukanlah saya hendak menjadi champion kepada Orang Asli tetapi cuma untuk menarik minat Kementerian ini kepada Orang-orang Asli yang ada di negara kita ini kerana di kawasan saya sahaja pun ada lebih kurang 10,000 orang iaitu kita boleh menarik minat ahli-ahli sukan kita atau pegawai sukan kita untuk kita pergi ke kawasan-kawasan pedalaman dan kita ambil Orang-orang Asli kita ini untuk menjadi pelumba berjalan kaki kerana kita tahu kalau kita masuk ke hutan, kalau kita pergi memburu dan sebagainya sangat susah kalau kita hendak mengikut Orang Asli ini berjalan. Jadi saya percaya dan yakin kalau Orang-orang Asli ini kita latih dengan secukupnya mereka boleh memberi kemenangan kepada kita dalam lumba berjalan kaki.

Berkenaan dengan peranan Kerajaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli parti Pembangkang, saya suka jugalah untuk menarik perhatian Kementerian ini kepada sedikit sebanyak perkara yang saya ketahui. Dalam kita meminta Kementerian memainkan peranan yang lebih, kita juga berharap supaya rakyat dan juga firma-firma memainkan peranan mereka masing-masing. Kita sedar dan ramai orang juga sedar bahawa hari ini Kerajaan telah memberikan perhatian yang berat kepada sukan, tetapi sungguhpun perhatian yang berat telah diberikan oleh Kerajaan kepada sukan, Kerajaan juga mempunyai satu perkara yang lain yang mesti diatasi oleh Kerajaan iaitu ekonomi rakyat.

Sungguhpun Kerajaan meletakkan sukan sebagai salah satu keutamaan negara, tetapi ekonomi rakyat adalah menjadi keutamaan yang lebih kepada Kerajaan. Kalau kita menang 10 pingat emas sekalipun di Olimpik, saya percaya apabila kita pergi ke pilihanraya rakyat tidak akan menimbangkan pingat-pingat emas yang telah kita dapati tetapi apa yang akan ditimbang oleh rakyat ialah tingkatan ekonomi dan sebagainya.

Saya sukalah menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan juga Kementerian iaitu apabila Saudara Suffian Abu Bakar julung-julung anak Melayu yang telah mencapai kejayaan dalam bidang sukan badminton sehingga beliau menjadi juara pada tahun yang sudah ramai orang yang tidak tahu apakah yang telah menyebabkan beliau berjaya. Sebenarnya sebelum tahun 1975 Saudara Suffian Abu Bakar bekerja dengan Jabatan Telekom tetapi pada tahun 1975 Saudara Suffian Abu Bakar telah diambil bekerja oleh pihak LLN dan selepas itu oleh kerana kerjanya di Jabatan LLN ini lebih baik dan beliau juga mempunyai masa lapang yang lebih, maka pada tahun sudah Saudara Suffian Abu Bakar telah dapat mencapai kejayaan untuk menjadi juara perseorangan Badminton Se Malaysia.

Saya sukalah mengucapkan tahniah kepada pihak LLN kerana jasa-jasa mereka kepada sukan terutama sekali kepada Saudara Suffian. Hari ini juga saya percaya bukan sahaja pihak LLN tetapi juga pihak Jabatan Penjara misalnya kita masih ingat lagi

Saudara Jalil Che' Din. Saudara Yusof Bakar dan lain-lain. Kita juga sedar ada kalangan-kalangan lain juga misalnya baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka demi untuk meningkatkan lagi permainan bola sepak di negeri Melaka, beliau telah memanggil balik Saudara Soh Chin Aun daripada Kuala Lumpur, dan demi mengenangkan jasa beliau kepada sukan ataupun kepada bola sepak sungguhpun negeri Melaka tahun ini tidak menjadi juara, Saudara Soh Chin Aun tetap diberi PJK oleh Kerajaan Negeri Melaka dan saya sukalah mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Melaka yang telah memberikan sebegitu tinggi penghargaan kepada ahli-ahli sukan kita.

Kita juga sedar bahawa kebanyakan ahli-ahli sukan kita prestasi mereka semasa mereka di sekolah ataupun semasa mereka di universiti lebih baik daripada selepas mereka keluar daripada sekolah ataupun selepas mereka keluar daripada universiti dan kalau mereka telah keluar daripada sekolah ataupun universiti maka bergantunglah pula kepada tempat-tempat yang mereka bekerja. Kebiasaannya kalau mereka bekerja dengan Kerajaan ataupun kalau mereka dapat bekerja dengan jabatan-jabatan yang berminat kepada sukan misalnya Jabatan Penjara, LLN, Angkatan Tentera, Polis dan sebagainya, maka bermaknalah ahli-ahli sukan kita ini ada peluang untuk meningkatkan lagi sukan mereka. Tetapi jikalau mereka tidak diambil bekerja oleh jabatan-jabatan ini ataupun jikalau mereka diambil bekerja oleh pihak swasta, maka kita percaya dan kita yakin tingkatan mereka dalam sukan akan merosot.

Saya rasa dalam firma-firma yang mengambil ahli-ahli sukan untuk bekerja dengan mereka cuma memilih pemain-pemain badminton sahaja. Kita belum pernah mendengar ahli-ahli sukan ataupun ahli-ahli bola sepak kita diambil bekerja oleh firma-firma dan diberi jawatan-jawatan yang baik. Cuma ahli-ahli badminton kita sahaja yang telah diberi tempat yang baik oleh firma-firma kita. Jadi saya juga sukalah berseru kepada firma-firma yang ada di Kuala Lumpur ini terutama sekali supaya memberikan satu perhatian yang lebih teliti dan lebih berminat kepada pemain-pemain sukan kita ini. Marilah ambil mereka ini untuk dilatih kerana

kita tahu firma-firma yang ada di negara kita ini telahpun mendapat keuntungan, marilah juga kita sama-sama menderma untuk meninggikan lagi nama Malaysia di taraf dunia dalam bidang kesukanan ini.

Berkenaan dengan sikap dan minat individu ini juga, saya sukalah juga menyokong saranan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu tadi iaitu berkenaan dengan permainan golf. Di hari ini apabila kita menyebut golf banyak orang yang terlintas bahawa golf ini adalah satu permainan yang dikhaskan kepada mereka yang berada. Kepada mereka yang ada di Division I, kepada mereka yang menjadi Executive tetapi sebenarnya tidak, kerana di negara-negara barat terutama sekali di Australia jikalau kita pergi ke public parks ataupun ke taman-taman awam pada hari Sabtu, kita akan nampak ramai sekali mereka yang muda dan juga orang-orang tua akan membawa beg golf masing-masing untuk pergi bermain golf, kerana kepada mereka golf merupakan salah satu permainan yang paling murah kerana sekali sahaja kita membeli beg golf dan dua tiga batang kayu golf maka setakat itu sahajalah kerana bola golf sangat murah. Tetapi kalau misalnya hari ini kita hendak main badminton, mula-mula sekali kita beli racket badminton. Saya rasa racket badminton ini boleh dibeli oleh ke semua sekali golongan yang ada di Malaysia ini tetapi apabila kita hendak main badminton kita hendak beli bulu tangkis dan sebagainya. Bulu tangkis inilah yang menjadi masalah kepada pemain-pemain badminton kita kerana tiap-tiap bulu tangkis yang baik, yang ada bermutu sedikit harganya hampir-hampir \$1.50 satu. Dengan sebab itulah saya berharap juga kepada pihak Kerajaan jikalau kita hendak meningkatkan lagi mutu permainan badminton di negara kita maka kita perlulah juga menurunkan cukai kepada harga-harga bulu tangkis ini. Kalau misalnya kita turunkan cukai kepada bulu tangkis ini saya percaya mutu dan juga minat permainan-pemain badminton di negara kita ini akan meningkat. Tetapi selagi harga bulu tangkis ini tidak dapat kita turunkan saya yakin dan saya percaya sebanyak mana juga wang yang dicurahkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan peningkatan mutu permainan ini, permainan ini tetap tidak akan meningkat mutunya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya sukalah juga menyokong saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh iaitu untuk memberikan taraf dan tempat yang tertentu, taraf dan tempat yang sewajarnya kepada pemain-pemain kita yang berada di luar bandar. Hari ini kita tahu dan kita sedia maklum pemain-pemain kita yang berada di luar mereka bermain kalau bola sepak padangnya tidak teratur. Kalau mereka bermain bulu tangkis mereka cuma bermain di luar. Jadi mereka terpaksa mengikut keadaan alam. Kalau hari hujan mereka tidak dapat hendak main, kalau hari itu pula anginnya kuat, kencang maka mereka terpaksa pula bermain mengikut angin dan sebagainya. Jadi saya berharaplah kepada pihak Kementerian supaya di tiap-tiap daerah diadakan sebuah tapian gelanggang. Tiap-tiap daerah hari ini memang sedia ada sebuah Dewan yang disediakan oleh Majlis Daerah ataupun Lembaga Bandaran dan sebagainya. Jadi kita berharaplah supaya pihak Kementerian dapat bekerjasama dengan Lembaga LPKT-LPKT ini supaya di tiap-tiap daerah kita akan dapat menyediakan sebuah tempat ataupun sebuah tepian gelanggang di mana pemain-pemain sukan kita dapat bermain sukan-sukan indoors ataupun sukan-sukan yang terpaksa kita main di dalam sebuah Dewan misalnya badminton dan sebagainya.

Saya percaya dengan adanya tepian-tepian gelanggang ini kita bina di tiap-tiap daerah, saya rasa banyak lagi pemain-pemain yang akan dapat meningkatkan mutu misalnya bulu tangkis.

Dulu kita pernah mendengar iaitu sebelum juara bulu tangkis ini dimenangi oleh saudara Suffian Abu Bakar; banyak orang yang mengatakan bahawa permainan bulu tangkis ini terhad kepada orang Cina, kerana orang Melayu memang tidak berbakat dalam bulu tangkis. Tetapi apabila saudara Suffian Abu Bakar menang pula menjadi juara, ada pula orang yang mengatakan bahawa kemungkinan mutu bulu tangkis di negara kita ini telah merosot. Dan baru-baru ini apabila saudara Suffian Abu Bakar kalah, maka mereka mengatakan pula bahawa mutu bulu tangkis di negara kita ini telah meningkat sedikit tetapi tidak meningkat dengan secukupnya.

Jadi, saya rasa di dalam permainan ini sebenarnya bukanlah dihadkan kepada satu-satu kaum tetapi apa yang perlu ada ialah peluang bermian. Kebanyakan mereka yang dapat bermain dengan baik adalah mereka yang datang daripada bandar-bandar ataupun anak-anak kampung yang dapat pergi ke sekolah-sekolah berasrama penuh, tetapi bagi mereka yang tinggal di kampung-kampung ataupun tinggal di luar bandar walaupun mereka ada minat, walaupun mereka ada kepandaian untuk bermain sukan tetapi oleh kerana kekurangan tempat-tempat sukan dan sebagainya maka peluang untuk mereka meninggalkan lagi mutu permainan sukan mereka itu terhad. Jadi dengan sebab itu saya berharaplah kepada pihak Kementerian supaya dapat kita bina tapian-tapian gelanggang di tiap-tiap buah daerah di dalam negara kita ini termasuk jugalah di Sabah dan Sarawak.

Satu lagi perkara yang saya rasa menyebabkan sukan di negara kita ini tidak meningkat dengan begitu rupa sebagaimana di negara-negara lain, saya rasa ialah berkenaan dengan kewangan. Hari ini kalau kita tengok penyanyi-penyanyi pop di negara kita ini, tidak payah ada latihan, tidak payah ada galakan, tidak payah ada tunjuk ajar daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, terutama sekali daripada Jabatan-jabatan Kebudayaan supaya mereka ini dapat meringkikan lagi taraf dan cara-cara mereka bermain muzik dan sebagainya. Tetapi hari ini oleh kerana penyanyi-penyanyi pop kita ada yang hari ini dapat bayaran hingga \$9,000 sebulan ataupun kadangkala boleh pergi ke satu majlis dan menyumbangkan tiga empat buah lagu mendapat \$1,000 maka hari ini kita boleh berbangga iaitu bidang nyayian pop di negara kita hari ini telahpun meningkat. Kita juga berasa bangga baru-baru ini kita dengar seorang penyanyi kita yang berasal daripada Johor, Tuan Sheikh Abdullah hari ini telah menjadi seorang penyanyi yang begitu popular sekali di negara-negara Eropah.

Jadi, saya rasa dengan sebab inilah kita perlu jugalah sungguhpun kita telah adakan cogan kata sukan untuk negara kita perlu jugalah ada sedikit sebanyak cara-cara untuk memberikan sumbangan kewangan kepada ahli-ahli sukan kita. Biarlah mereka bersukan

bukan sahaja untuk negara tetapi juga untuk memperbaiki ekonomi dan taraf hidup mereka sendiri.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah sahaja saranan saya dan akhirnya saya dengan segala sukacitanya memberikan sokongan saya kepada pindaan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Semerah.

6.04 ptg.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Majlis Sukan Negara Malaysia 1979.

Kita bersyukur dan mengucapkan tahniah bahawa pasukan Selangor ataupun Malaysia telah menggondol kemenangan dalam pertandingan bola yang diadakan baru-baru ini. Saya juga merasa gembira di atas inisiatif yang diambil oleh Kementearan Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memperkukuh dan memperluaskan lagi kegiatan sukan dan melibatkan diri secara langsung dan dengan tertubuhnya Majlis Sukan di tiap negeri dan juga wilayah di mana Menteri Besarnya sendiri dilantik sebagai Pengerusinya. Saya nampak imej Malaysia di lapangan sukan akan bertambah baik dan harapan sukan untuk maju dan meningkat bertambah cerah.

Tuan Yang di-Pertua, ketika menyaksikan majlis sukan sekolah-sekolah rendah baru-baru ini saya dapati anak-anak rakyat Malaysia yang datang daripada kawasan-kawasan luar bandar ramai yang rebah dan jatuh pengan. Ini menunjukkan bahawa mereka adalah kekurangan nutrition ataupun zat makanan yang baik dan saya berterima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang bertindak cepat untuk mengatasi masalah ini dengan memperkenalkan rancangan makanan tambahan. Insya Allah, bakal-bakal ahli sukan kita masa yang akan datang akan mempunyai cukup persediaan untuk menjadi ahli sukan yang baik dan dapat menanamkan sporting spirit dan disiplin iaitu sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh setiap bakat pemimpin.

Tuan Yang di-Pertua, bukan semua orang gemar kepada sukan luar dan terbuka. Ada golongan dan kelompok manusia yang gemarkan sukan dalam seperti gimnastik, angkat berat, tinju dan lainnya. Dari itu saya menyokong rakan-rakan saya yang lain supaya indoor games itu juga diberi galakan dan perhatian. Cuma saya harapkan indoor games yang berunsur judi seperti mahjung ini dan billiards itu janganlah pula diperhitungkan sebagai satu game yang patut diberi galakan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia juga adalah pelaut yang terkenal dan sukan laut itu hanya dijalankan setahun sekali di hari-hari perayaan, hari jadi Sultan. Maka saya ingin mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan akan juga memberi perhatian kepada sukan laut yang mana ianya adalah satu jenis sukan antarabangsa yang digemari.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut berita akhbar yang tersiar pada hari ini bahawa tiga orang pemain handalan Selangor ataupun pasukan Malaysia akan menarik diri daripada mengambil bahagian dalam Pertandingan Bola Sepak Merdeka yang akan diadakan tidak lama lagi. Saya kira sebab mereka ini menarik diri kerana tidak ada hadiah menarik yang diberi. Padahal mereka ini telah berpenat lelah berbulan-bulan lamanya untuk melayakkan diri dan setelah berhempas pulas segenap tenaga yang ada tiba-tiba tidak dihargai. Hadiah piala yang diterima adalah untuk negara tetapi hadiah yang bernilai umpamanya wang tunai hendaklah diberikan kepada tiap-tiap peserta yang mengambil bahagian, kerana kutipan yang didapati pada malam itu bukanlah kecil jumlahnya.

Selain daripada itu juga kesihatan dan pemakanan ahli-ahli sukan hendaklah diberi perhatian yang sewajarnya umpamanya, biasa yang ditayangkan di TV seperti minuman Horlick, Milo, Minyak Ikan, rawatan dan pegawasan doktor hendaklah sentiasa disediakan dengan secukupnya kepada ahli-ahli sukan.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit hari dulu kita merasa gembira kerana segala alatan sukan akan diimport secara langsung oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan daripada Jerman Barat dan akan dinikmati oleh penggemar-penggemar sukan dengan harga yang lebih murah dan mampu dibeli

oleh ahli-ahli sukan terutama brand Adidas. Tetapi khabar gembira yang dinanti-nantikan itu tidak kunjung tiba. Selain daripada itu Kementerian yang berkenaan hendaklah berusaha mendapatkan alat-alat sukan seperti basikal yang harganya hingga \$2,000—\$3,000 dari pada badan-badan swasta yang telah mengangkut banyak kekayaan di negara kita dan menerima pengecualian cukai tarif selama 5 tahun itu dapat bersama-sama menyumbang untuk Tabung Sukan Negara. Seperti daripada syarikat-syarikat asing yang memiliki banyak estet-estet yang luas dan besar-besar di negara ini dengan membayar cukai tanah yang murah kita tidak pernah dengar mereka menyumbangkan jumlah yang boleh dibanggakan. Mereka semata-mata mendiamkan diri dan membisu seribu bahasa. Cuma pagi ini baru kita dengar, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj menerima \$100,000 kerana jasa beliau menggalakkan ternakan kuda dan seterusnya menggalakkan lumba kuda.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin penuh dengan perantaraan masa media yang ada di dalam negara kita seperti TV, radio dan akhbar-akhbar bertenaga dan menjadi ejen yang efektif dapat menolong Kementerian mengisi tabung sukannya yang sangat-sangat diperlukan itu. Dan pada hari ini kita terima kasih dan terhutang budi kepada akhbar-akhbar hingga Utusan Malaysia itu pun memperuntukkan satu halaman khas untuk mengenengahkan sukan dan mengadakan sebuah majallah khas untuk menggalakkan sukan demi untuk keteguhan negara. Kerana mengikut pandangan Islam perkara-perkara yang karut itu berlaku kerana adanya banyak masa yang kosong dan terluang maka saya percaya dengan adanya sukan adalah satu cara mengisi masa yang terluang itu daripada terbuang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pendapat rakan-rakan saya yang lain supaya pembinaan stadium yang lebih besar, lebih selesa dan lebih moden di bandaraya Kuala Lumpur atau Ibu Kota Malaysia ini diberi perhatian yang serius.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.10 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian yang saya anggap agak luar biasa semenjak Parlimen bersidang yang telah menumpukan sepenuh perhatian kepada soal-soal sukan di negara kita. Pandangan, teguran, nasihat dan berbagai-bagai anjuran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya akan mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh mudah-mudahan dengan terbentuk Majlis Sukan Negara dengan pindaan-pindaan Akta yang baru ini mutu sukan negara kita akan bertambah maju dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk mengulas satu-satu akan pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tetapi bagaimanapun sukalah saya menyimpulkan daripada pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu kepada sembilan perkara pokok yang saya anggap besar yang akan saya berikan ulasan dengan secara ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum di saat-saat akhir ini nyatalah mutu sukan negara kita ini agak ketinggalan sedikit jika dibandingkan dengan negara-negara lain terutama sekali di Asia ini. Sebenarnya menurut anggapan saya mutu sukan kita ini bukanlah jauh merosot atau sebaliknya ketinggalan di belakang dengan negara-negara lain yang telah berjaya. Tetapi sebenarnya mutu sukan kita menurut pandangan saya berada di tempat yang sedia ataupun berada di tempat yang lama juga. Katakanlah mutu sukan badminton kita, walaupun kita kalah dalam pertandingan untuk merebut juara dunia kalau dibandingkan dengan tahun 1949an atau tahun 1950an, tetapi waktu kita menjadi jaura dahulu mutu sukan negara-negara lain terutama sekali Indonesia, Denmark dan India serta Jepun agak jauh ketinggalan di belakang. Jadi sebab itulah kita melihat pada waktu itu kita menjadi johan. Tetapi di tahun-tahun akhir ini disebabkan kegiatan yang begitu menarik pada negara-negara yang saya sebutkan tadi maka mutu sukan mereka lebih jauh tinggi daripada kita, tetapi mutu kita

tetap berada di tempat yang sedia. Dengan sebab itulah saya menganggap bahawa sukan kita tidak jatuh mutunya hanya kalah disebabkan mutu kita tidak begitu naik dan meningkat.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat juga saya sukalah memberikan pandangan sedikit dalam hal ini. Meskipun tumpuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada sukan semenjak 3 hari ini memang sangat-sangat mengambil pandangan dan juga meningkatkan perhatian rakyat kerana melalui Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, melalui Dewan yang mulia ini telah dapat menimbulkan satu semangat kesedaran yang saya anggap baru kepada rakyat dan khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Kalau dahulu waktu kita bermesyuarat di sini di waktu Budget sedikit sekali soal sukan ini disentuh oleh Yang Berhormat sekalian, mungkin pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat waktu itu banyak tertumpu kepada soal yang lain. Jadi ini tidak dapat kita nafikan seperti ulasan beberapa orang Ahli Yang Berhormat menyebutkan soal-soal ekonomi dan lain-lain, memanglah kita sebagai seorang Wakil Rakyat kalau kita berdialog di kampung-kampung, kalau pandangan saya sendiri dan dari pengalaman saya sendiri dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat juga begitu, orang-orang kampung kita dalam waktu berdialog jarang sekali, kalau tidak pun mungkin tidak ada menyebutkan soal mereka minta padang bola, soal mereka minta padang badminton, mereka minta padang basketball atau lain-lain kemudahan sukan di kampung. Tetapi apa yang perlu dititik-beratkan oleh orang-orang kampung atau desa kita ialah soal kemudahan-kemudahan jalanraya, bekalan api, bekalan air, sekolah, kemudahan-kemudahan kesihatan dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan kehendak-kehendak yang ada di hadapan mereka. Tetapi kalau kita berdialog pula dengan belia-belia selain daripada soal kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi mereka juga menyentuh soal kemudahan-kemudahan sukan. Jadi kalau kita bandingkan negara kita ini dengan negara-negara yang telah maju seperti di Amerika, di Eropah dan di Asia ini negeri Jepun tidak dapat kita menilai akan kesedaran rakyatnya dan tanggungjawab Kerajaan terhadap rakyatnya mengenai sukan, kerana

negara-negara yang saya sebutkan itu soal infrastructure bagi negaranya telah cukup dan tidak mendesak sebagaimana negara kita yang sedang membangun ini. Yang demikian mereka dapat menumpukan banyak soal dan menguntukkan peruntukan wangnya lebih banyak kepada perkara-perkara meninggikan taraf sukan bagi bangsa dan negaranya.

Jadi kita di sini agak berbeza seperti yang saya terangkan tadi, masalah infrastructure dan kemudahan-kemudahan asas bagi negara kita masih terlalu mendesak. Dengan demikian Kerajaan kita tidak dapat menumpukan lebih banyak perhatiannya dan tidak dapat diuntukkan wang lebih besar kepada meninggikan taraf dan kemudahan-kemudahan sukan baik di bandar mahupun di kampung-kampung. Tetapi dalam tahun-tahun yang akhir-akhir ini setelah kita mencapai kemerdekaan 21 tahun lebih nyata infrastruktur dan kemajuan-kemajuan asas di kampung-kampung dan di bandar-bandar telah banyak meningkat, maka memang sudah selayaknya, sudah sampai pula waktunya dan amat tepat masanya sekarang ini lebih-lebih lagi perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam Dewan ini telah banyak menumpukan kepada mutu sukan negara terutama sekali meninggikan taraf dan juga imej negara kita pada dunia luar. Maka Kerajaan memang telah mengambil perhatian yang agak jauh mendesak atau mendalam kepada kemudahan-kemudahan dan lain-lain yang berkaitan dengan meninggikan taraf sukan negara kita. Pada tahun ini Kerajaan kita telah memberikan peruntukan wang sejumlah \$3.5 juta bagi mengadakan kemudahan-kemudahan sukan di luar-luar bandar ataupun bandar-bandar kecil di negara kita ini, kalau sebelumnya tidak ada wang yang sedemikian diperuntukkan.

Begitu juga sejumlah wang yang besar pada tahun ini sebagai permulaan atau asas peringkat pertama telah diuntukkan oleh Kerajaan untuk mendirikan sebuah Institut Sukan di tanahair kita ini. Tapaknya sedang dicari, walaupun telah ada satu-dua tempat yang telah diperuntukkan tetapi Kementerian dengan kerjasama Jabatan Kerjaraya dan lain-lain Jabatan yang berkaitan sedang meneliti di manakah tempat yang sesuai dan lebih baik untuk mendirikan Institut Sukan ini

dan di dalamnya nanti beberapa kemudahan termasuk sebuah stadium yang difikirkan sesuai akan dibina. Selain daripada kemudahan-kemudahan lain seumpama velodrome, basketball, indoor stadium dan lain-lain lagipun dirancang. Jadi hari ini Kerajaan kita sudah mula mengalihkan sebanyak sedikit perhatian dan menumpukan serta memperuntukkan sebahagian wang kepada kemudahan-kemudahan sukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan tadi ada sembilan perkara yang telah saya kumpulkan di sini yang menjadi kesimpulan yang telah diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian.

- (i) kebajikan ahli-ahli sukan;
- (ii) kekurangan kemudahan-kemudahan sukan;
- (iii) keperluan menambahkan peruntukan wang kepada Kementerian;
- (iv) mutu sukan negara;
- (v) pemilihan-pemilihan pemain-pemain;
- (iv) latihan-latihan;
- (vii) jurulatih-jurulatih;
- (viii) Tabung sukan; dan
- (ix) membangkitkan kesedaran rakyat terhadap sukan.

Saya tidak hendak mengulas satu-satu kerana waktu amat pendek tetapi dalam hubungan ini Kerajaan amat menyedari kebajikan ahli-ahli sukan adalah satu-satunya faktor yang penting di atas hendak mewujudkan satu mutu sukan kita yang lebih baik kerana ahli-ahli sukan sendiri yang menentukan kalah menang, tinggi rendah mutu sukan yang dipertandingkan. Walau bagaimana mereka pandai sekalipun menjadi juara, katalah, Encik Mohktar Dahari pada hari ini sebagai seorang jaguh bola kita yang sukar ditandingi, tetapi kalau semangatnya, perasaannya waktu bermain itu tersentuh oleh sebab-sebab yang tertentu, saya percaya dan Ahli-ahli yang Berhormat juga bersetuju maka permainannya pada hari itu akan rendah mutunya dan mungkin akan lebih jatuh mutunya dengan sebab-sebab yang tertentu tadi. Tetapi sebaliknya kalau mereka itu diberikan ganjaran dan perhatian yang lebih

besar, saya percaya ahli-ahli sukan yang kurang atau rendah mutunya sedikit akan lebih baik dengan adanya satu insentif yang diberikan kepada mereka. Jadi kerana itulah hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Kerajaan telah menganjurkan melalui Kementerian saya sejak tahun 1978 untuk juara atau tokoh-tokoh sukan tahun 1977 dan tahun ini untuk 1978 kita telah memberikan satu perhatian dan menimbulkkan kembali kenang-kenangan kepada tokoh-tokoh sukan kita yang telah menaikkan nama negara kita. Kalau dahulunya belum pernah kita adakan tetapi hari ini telah kita adakan sejak dua tahun yang lalu saya melihat sejak jasa-jasa mereka itu dikenang dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri menyampaikan hadiah dan bersalaman dikenalkan kepada mereka maka keadaannya sudah mula berubah, pandangan masyarakat dan perhatian mereka dalam sukan ini telah mula timbul kembali dan saya percaya keadaan ini akan lebih jauh berubah di tahun-tahun yang akan datang.

Satu lagi contoh yang sangat baik baru-baru ini kita telah mengadakan pameran sejarah sukan di Muzium Negara. Satu hal yang tidak terduga bagi saya dan bagi banyak orang, dalam tempoh 3 minggu sehingga semalam waktu saya tutup pada pukul 4.00 petang hampir-hampir 280,000 orang telah mengunjungi pameran ini dan pameran ini akan dikerahkan ke negeri-negeri dan saya percaya lebih satu juta orang akan menontonnya. Jadi dari pameran ini kita dapat melihat akan kejayaan dan kemunduran atau kegagalan tokoh-tokoh dan sukan di negara kita ini di masa yang lalu dan dengan harapan itu akan menimbulkkan semangat untuk mereka dan untuk anak-anak muda kita bagi meninggikan taraf sukannya di masa depan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, soal latihan dan kemudahan-kemudahan, keperluan-keperluan wang dan lain-lain itu memanglah tergantung kepada peruntukan wang yang besar. Peruntukan wang ini boleh dan Kerajaan kita sedang menumpukan seperti saya katakan tadi telah mula memperuntukkan wang yang agak besar kepada Kementerian ini untuk meninggikan mutu sukan kita dan dengan adanya kelulusan pindaan Akta Majlis Sukan Negara ini saya harap peruntukan wang ini bukan sahaja

diberikan oleh Kerajaan tetapi juga oleh pihak swasta kerana pada masa yang sudah ini saya diberitahu banyak pihak swasta ingin menyumbangkan wang kepada bahan-bahan sukan tetapi tidak ada satu badan sukan yang mereka boleh memberikan kepercayaan bahawa wang itu dapat digunakan dengan baik untuk sukan. Jadi dengan adanya Tabong Sukan dengan pindaan Akta ini yang membolehkan Majlis Sukan Negara mengumpulkan wang dan dapatkan derma saya percaya pihak swasta akan memberikan pandangan dan perhatian, lebih-lebih lagi galakan diberi kerana sumbangan derma yang mereka berikan itu akan dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Selain daripada itu banyak lagi masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian saya ini mengenai meninggikan taraf sukan ini. Soal cuti misalnya, cuti dalam latihan juga memberi persoalan besar waktu kita mengadakan latihan pusat bagi menghadapi satu-satu pertandingan seumpama SEA Games, ASEAN Games dan lain-lain sehingga ke Olimpik termasuk juga soal-soal bertanding dalam negara kita sendiri menjadi masalah besar kerana mereka itu kebanyakannya bekerja dengan pihak Kerajaan tidak menjadi masalah, itupun ada persoalan timbul, lebih-lebih lagi mereka bekerja dengan pihak swasta. Ini ialah soal-soal yang banyak menghalang kita dapat untuk mengadakan satu latihan pusat yang mengambil masa yang panjang disebabkan mereka terpaksa bekerja dan ini satu soal yang sedang kita hadapi dan insya Allah, saya berharap akan dapat diatasi dengan adanya peruntukan-peruntukan wang yang besar yang akan kita perolehi kelak pada waktu Tabong Sukan yang akan kita lancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu soal yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda sebentar tadi mengenai dengan kebudayaan yang disebutkan, sukalah saya menyatakan sedikit. Mengenai kebudayaan ini sebenarnya soal pelaksanaan kebudayaan ini bukanlah tergantung bulat-bulat kepada Kementerian saya. Kementerian saya ini ialah disebabkan ada perkataan "Kebudayaan" di situ banyak orang menumpukan kebudayaan keseluruhannya adalah ditanggungjawab kepada Kementerian, pada hal yang sebenarnya tidak.

Kementerian saya ini tidak ada mempunyai kuasa undang-undang untuk melaksanakan dan hanya banyak kepada menyelaras dan menimbulkan serta mencungkil kembali soal-soal kebudayaan yang telah tenggelam ataupun hampir tenggelam. Soal jangka panjangnya untuk menyatupadukan rakyat negara kita ini menjadi satu bangsa yang bersatu masa depannya banyak tanggungjawab ini di Kementerian Pelajaran.

Soal menonjolkan tokoh-tokoh dan juga unsur-unsur kebudayaan daripada seni tari, nyanyian dan sebagainya diambil oleh Kementerian Penerangan melalui RTM dan soal adat istiadat, resam, perpaduan dan sebagainya terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri melalui Jabatan Perpaduan Negara.

Soal seni, kraftangan, seni haisan dan sebagainya adalah di bawah MARA, yang kita luluskan kraftangan baru-baru ini adalah terletak kepada MARA dan soal pelaksanaan yang mempunyai kuasa undang-undang terletak kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak berkuasa Tempatan. Jadi Kementerian saya itu hanya nama sahaja dinamakan "Kebudayaan" tetapi bukan tanggungjawab sepenuhnya. Dengan yang demikian, tanggungjawab di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidaklah begitu berat dan boleh dipikul oleh pegawai-pegawai saya dalam soal penyelarasan dan lain-lain yang berkaitan, jadi tidaklah timbul masalah yang begitu, lebih-lebih lagi soal pelaksanaan dalam satu aspek kebudayaan ini ialah dilaksanakan ataupun dijalankan oleh belia-belia kita sendiri termasuk juga satu unsur terpenting dalam kebudayaan ini ialah sukan sendiri. Sukan adalah merupakan satu unsur kebudayaan kita, jadi tidaklah ada persoalan yang merumitkan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa terlalu suntuk dan kita hendak membacakan kali yang kedua dan ketiga maka pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam semua perkara yang disebutkan tadi saya menarik perhatian dan saya mengucapkan banyak terima kasih di atas pandangan-pandangan itu.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN BALAI BOMBA DI BUKIT MERTAJAM

6.31 ptg.

Tuan Seow Hun Khim (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, Bukit Mertajam merupakan salah sebuah bandar besar di negara kita. Penduduk-penduduknya semakin hari semakin bertambah banyak dan perdagangannya berkembang dengan pesatnya. Tetapi nampaknya kemudahan-kemudahan Balai Bomba di Bukit Mertajam tidak lengkap untuk menghadapi sesuatu kebakaran sama ada besar atau kecil. Apa lagi anggota-anggota Balai Bomba sentiasa didapati melakukan kesalahan dan kelalaian kerja mereka yang amat menyedihkan dan yang patut.....

Tuan Ismail bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 13 (1) koram tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, 19hb Jun, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 petang.